Apple berhak, mengikut budi bicaranya, untuk mengubah suai atau meminda Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan atau tanpa notis kepada Anda. Sekiranya notis diberikan, terma yang telah diubah suai tersebut akan berkuat kuasa setelah notis diberikan kepada Anda menurut Seksyen 18 (Notis), atau pada masa yang dinyatakan dalam notis tersebut. Anda mengakui dan bersetuju bahawa menyemak Perjanjian ini secara berkala ialah tanggungjawab Anda. JIKA ANDA TIDAK BERSETUJU DENGAN SEBARANG PENGUBAHSUAIAN KEPADA PERJANJIAN INI, ANDA HENDAKLAH MENGHENTIKAN SEMUA AKSES KEPADA DAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN APPLE BUSINESS DENGAN SERTA-MERTA. PENGGUNAAN BERTERUSAN ANDA TERHADAP PERKHIDMATAN APPLE BUSINESS SELEPAS SEBARANG PENGUBAHSUAIAN KEPADA PERJANJIAN INI AKAN DIANGGAP SEBAGAI PENERIMAAN ANDA TERHADAP PERJANJIAN INI, YANG TELAH DIUBAH SUAI.

15. PENAMATAN ATAU PENGGANTUNGAN

Mana-mana Pihak, mengikut budi bicara mutlaknya, boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis tanpa sebab; namun demikian, sebarang penggunaan berterusan Perkhidmatan Apple Business oleh Anda selepas notis penamatan tersebut akan tertakluk pada Perjanjian yang berkuatkuasa pada masa itu. Anda boleh memberikan notis dengan menghantar e-mel kepada pasukan sokongan pelanggan Apple. Selepas sebarang tamat tempoh atau penamatan Perjanjian ini, kecuali jika dinyatakan sebaliknya dalam Perjanjian ini: (a) sebarang hak, lesen, persetujuan dan kebenaran yang diberikan oleh mana-mana Pihak kepada Pihak yang satu lagi menurut Perjanjian ini akan ditamatkan serta-merta, kecuali lesen yang diberikan kepada Apple melalui Perjanjian ini yang akan terus berkuatkuasa walaupun selepas tamat atau penamatan Perjanjian ini; dan (b) Anda akan menghentikan semua akses kepada dan penggunaan Perkhidmatan Apple Business.

HAK DAN TANGGUNGAN YANG DINYATAKAN DALAM SEKSYEN 6(B) HINGGA 6(E) DAN 7 HINGGA 25 AKAN TERUS BERKUAT KUASA SELEPAS TAMAT ATAU PENAMATAN PERJANJIAN INI. WALAU APA PUN YANG BERTENTANGAN DALAM PERJANJIAN INI, APPLE BOLEH, MENGIKUT BUDI BICARA MUTLAKNYA, SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG, SERTA-MERTA DAN TANPA NOTIS AWAL, MENGGANTUNG, MENAMATKAN, ATAU MENAFIKAN AKSES ATAU PENGGUNAAN ANDA TERHADAP SEMUA ATAU SEBAHAGIAN DARIPADA PERKHIDMATAN APPLE BUSINESS, DAN APPLE TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA ANDA ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA SEKIRANYA IA MELAKSANAKAN HAK TERSEBUT. Seksyen 15 ini tidak mengehadkan mana-mana hak atau remedi Apple yang lain, sama ada di bawah undang-undang, ekuiti, atau di bawah Perjanjian ini.

16. HUBUNGAN PIHAK-PIHAK

Perjanjian ini tidak mewujudkan dan tidak akan ditafsirkan sebagai mewujudkan apa-apa hubungan agensi, atau perkongsian, usaha sama, kewajipan fidusiari, atau apa-apa bentuk persatuan undang-undang lain antara Anda dengan Apple, dan Anda tidak akan membuat perwakilan sebaliknya, sama ada secara nyata, dengan implikasi, penampilan atau dalam apa-apa cara sekalipun. Perjanjian ini bukan untuk kepentingan mana-mana pihak ketiga.

17. SIARAN AKHBAR ATAU PUBLISITI LAIN

Anda tidak boleh mengeluarkan sebarang siaran akhbar atau membuat sebarang kenyataan awam berkenaan Perjanjian ini atau sebarang hubungan dengan Apple tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Apple, yang mungkin ditahan mengikut budi bicara mutlak Apple.

18. NOTIS

Apa-apa notis berkaitan dengan Perjanjian ini hendaklah dalam bentuk bertulis. Segala notis daripada Apple kepada anda akan dianggap telah diberikan apabila dikirim kepada anda di alamat e-mel atau alamat surat-menyurat yang anda berikan kepada Apple berhubung dengan Perkhidmatan Apple Business. Anda bersetuju untuk kerap memeriksa alamat e-mel dan alamat surat-menyurat anda bagi notis daripada Apple kepada anda, untuk meneliti semua notis tersebut dengan segera, dan untuk segera memaklumkan Apple sekiranya anda tidak lagi mempunyai akses kepada alamat e-mel atau alamat surat-menyurat yang anda berikan kepada Apple berhubung dengan Perkhidmatan Apple Business. Melainkan jika dinyatakan sebaliknya di sini, semua notis kepada Apple yang berkaitan dengan Perjanjian ini akan dianggap telah diberikan: (a) apabila dihantar secara peribadi, (b) tiga (3) hari bekerja selepas dihantar melalui pembawa komersial semalaman dengan bukti penghantaran bertulis, atau (c) lima (5) hari bekerja selepas dihantar melalui surat kelas pertama atau surat berdaftar, dengan caj pos telah dibayar, melalui kaedah yang dinyatakan dalam (a), (b), dan (c), kepada: Apple Inc., Bahagian Perundangan (perhatian:) Apple Business Legal), One Apple Park Way, MS 37-2ISM, Cupertino, CA 95014, Amerika Syarikat. Mana-mana Pihak boleh menukar alamat e-mel atau surat-menyurat mereka dengan memberikan notis bertulis kepada Pihak lain seperti yang diterangkan di atas atau melalui Apple Business.

19. PENYELESAIAN PERTIKAIAN; UNDANG-UNDANG YANG MENTADBIR

Segala pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Perjanjian ini akan diselesaikan secara muktamad di bawah Peraturan Timbang Tara Dewan Perniagaan Antarabangsa ("**Peraturan ICC**") oleh tiga penimbang tara yang dilantik mengikut Peraturan ICC.

Tempat timbang tara hendaklah di San Francisco, California. Bahasa bagi timbang tara hendaklah Bahasa Inggeris. Sebagai tambahan kepada Peraturan ICC, Pihak-pihak bersetuju bahawa timbang tara hendaklah dijalankan mengikut Peraturan Persatuan Peguam Antarabangsa (IBA) tentang Pengambilan Bukti dalam Timbang Tara Antarabangsa.

Pihak-pihak berjanji untuk memastikan kerahsiaan mengenai fakta sebarang timbang tara dan semua keputusan dalam timbang tara tersebut, bersama-sama dengan semua bahan dalam prosiding yang dicipta untuk tujuan timbang tara serta semua dokumen lain yang dikemukakan oleh pihak lain dalam prosiding yang tidak tersedia kepada umum, kecuali dan setakat mana pendedahan mungkin diperlukan oleh sesuatu pihak atas kewajipan undang-undang, untuk melindungi atau menuntut hak undang-undang, atau untuk menguatkuasakan atau mencabar sesuatu keputusan dalam prosiding undang-undang di hadapan mahkamah atau pihak berkuasa kehakiman yang lain.

Perbelanjaan langsung timbang tara, termasuk yuran dan perbelanjaan penimbang tara, secara prinsipnya hendaklah ditanggung dan dikongsi secara sama rata oleh Pihak-pihak, tertakluk pada Peraturan ICC. Kos penulis stenografi mahkamah dan transkripsi prosiding, jika ada, hendaklah dibayar oleh Pihak yang memintanya, melainkan diminta oleh penimbang tara, yang kemudiannya akan ditanggung dan dikongsi secara sama rata oleh Pihak-pihak. Setiap Pihak hendaklah menanggung kos dan yuran peguamnya sendiri, dan penimbang tara tidak mempunyai kuasa untuk memberikan kos mana-mana Pihak atau yuran peguam kepada Pihak lain.

Perjanjian ini dan sebarang pertikaian yang timbul di bawah atau berkaitan dengan Perjanjian ini akan ditadbir oleh undang-undang Negeri New York, tanpa mengambil kira prinsip pemilihan undang-undangnya, kecuali bahawa klausa timbang tara ini dan mana-mana timbang tara di bawah ini akan ditadbir oleh Akta Timbang Tara Persekutuan, Bab 1 dan 2. Konvensyen mengenai Kontrak untuk Penjualan Barangan Antarabangsa tidak akan terpakai kepada Perjanjian ini.

Tiada apa-apa dalam Perjanjian ini yang akan menghalang mana-mana Pihak daripada memohon langkah sementara daripada mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten, dan permohonan sedemikian tidak akan dianggap bertentangan dengan Perjanjian untuk timbang tara atau penepian hak untuk timbang tara. Pihak-pihak dengan ini mengetepikan sebarang keperluan untuk jaminan bagi mendapatkan sebarang pelepasan sementara.

20. PEMATUHAN

Anda tidak boleh menggunakan, mengeksport, mengeksport semula, mengimport, menjual, atau memindahkan Perkhidmatan Apple Business, atau mana-mana bahagiannya, kecuali seperti yang dibenarkan oleh Undang-undang Amerika Syarikat, Undang-undang bidang kuasa di mana Anda mengakses Apple Business atau menggunakan Perkhidmatan Apple Business, atau mana-mana Undang-undang lain yang berkenaan. Secara khusus, tetapi tanpa had, Anda bersetuju bahawa Perkhidmatan Apple Business tidak boleh digunakan, dieksport, atau dieksport semula ke dalam atau kepada mana-mana negara yang dikenakan sekatan (embargo) oleh A.S. atau oleh sesiapa sahaja dalam Senarai Warganegara Ditentukan Khas (Specially Designated Nationals) Jabatan Perbendaharaan A.S. atau Senarai Orang Terhalang atau Senarai Entiti (Denied Person's List or Entity List) Jabatan Perdagangan A.S. atau mana-mana senarai pihak terlarang yang lain.

21. BAHAN PIHAK KETIGA

Bahagian Perkhidmatan Apple Business mungkin memaparkan, merangkumi, menggunakan atau menyediakan maklumat, perisian, bahan atau perkhidmatan daripada pihak ketiga atau menyediakan pautan ke tapak web pihak ketiga tertentu ("**Bahan Pihak Ketiga**"). Pengakuan, terma pelesenan, dan penafian untuk Bahan Pihak Ketiga boleh didapati dalam dokumentasi elektronik untuk Perkhidmatan Apple Business atau bahagian yang berkenaan, dan penggunaan anda terhadap Bahan Pihak Ketiga adalah tertakluk pada terma masing-masing.

Apple tidak membuat pernyataan bahawa Perkhidmatan Apple Business atau Bahan Pihak Ketiga adalah sesuai, tepat atau tersedia untuk kegunaan di mana-mana lokasi tertentu. Setakat Anda memilih untuk menggunakan atau mengakses Bahan Pihak Ketiga, Anda berbuat demikian atas inisiatif Anda sendiri dan bertanggungjawab untuk mematuhi apa-apa Undang-undang, terma, atau keperluan lain yang berkenaan. Apple tidak menjamin atau menyokong dan tidak menanggung dan tidak akan menanggung apa-apa liabiliti atau tanggungjawab terhadap Anda atau mana-mana orang lain atas apa-apa Bahan Pihak Ketiga, atau untuk apa-apa bahan, produk atau perkhidmatan pihak ketiga yang lain. Perkhidmatan Apple Business dan bahan pihak ketiga mungkin tidak tersedia dalam semua bahasa atau di semua negara atau rantau.

22. PERJANJIAN LAIN

Sebarang perjanjian lain yang berkuat kuasa antara Anda dengan Apple yang tidak menggabungkan Perjanjian ini atau tidak digabungkan di sini atau di dalamnya melalui rujukan ("**Perjanjian Lain**") adalah berasingan daripada Perjanjian ini. Kecuali dinyatakan sebaliknya secara bertulis di sini atau dalam Perjanjian Lain, Perjanjian ini tidak akan dianggap sebagai terma Perjanjian Lain dan sebaliknya. Tiada pelanggaran Perjanjian ini akan menjadi pelanggaran Perjanjian Lain dan sebaliknya. Anda mengakui dan bersetuju bahawa pemenuhan kewajipan Anda di bawah Perjanjian ini tidak tertakluk pada Apple untuk menandatangani sebarang perjanjian tambahan atau memberi sebarang representasi atau jaminan tambahan yang berkaitan dengan Perkhidmatan Apple Business.

23. BAHASA YANG MENTADBIR

VERSI BAHASA INGGERIS AMERIKA SYARIKAT BAGI PERJANJIAN INI HENDAKLAH MENJADI VERSI ASAL, INSTRUMEN YANG MENGAWAL, DAN PEMAHAMAN RASMI ANTARA PIHAK-PIHAK. JIKA PERJANJIAN INI DISEDIAKAN OLEH APPLE DALAM MANA-MANA BAHASA LAIN ATAU DALAM MANA-MANA VERSI BAHASA INGGERIS YANG LAIN, MAKA VERSI BAHASA INGGERIS AMERIKA SYARIKAT AKAN MENTADBIR DAN MENGAWAL SEKIRANYA TERDAPAT SEBARANG PERCANGGAHAN DENGAN TERJEMAHAN KE DALAM BAHASA LAIN ATAU VERSI BAHASA INGGERIS YANG LAIN (SETAKAT INI TIDAK BERCANGGAH DENGAN PERUNTUKAN MANDATORI UNDANG-UNDANG YANG BERKENAAN), MELAINKAN JIKA VERSI LAIN TERSEBUT SECARA JELAS MENYATAKAN SEBALIKNYA. Jika anda merupakan agensi, jabatan, badan atau organisasi kerajaan di Perancis atau Wilayah Quebec, Kanada, klausa berikut adalah terpakai: Pihak-pihak dalam perjanjian ini mengesahkan bahawa mereka telah meminta agar Perjanjian ini dan semua dokumen yang berkaitan didraf dalam Bahasa Inggeris. *Les Parties ont exigé que le présent contrat et tous les documents connexes soient rédigés en anglais*.

24. IMUNITI KEDAULATAN

Setakat mana Anda berhak dalam mana-mana bidang kuasa untuk menuntut bagi diri sendiri atau aset Anda kekebalan (sama ada kekebalan negara, kedaulatan, atau sebaliknya) daripada penyampaian proses, bidang kuasa, tindakan, penghakiman, pelaksanaan, penyitaan (sama ada sebelum penghakiman, sebagai bantuan pelaksanaan, atau sebaliknya), atau proses undang-undang berkenaan dengan kewajipan Anda di bawah Perjanjian ini, atau setakat mana dalam mana-mana bidang kuasa tersebut, kekebalan sedemikian (sama ada dituntut atau tidak) boleh dikaitkan kepada Anda atau aset Anda, Anda dengan ini secara tidak boleh ditarik balik bersetuju untuk tidak menuntut, dan secara tidak boleh ditarik balik menepikan, kekebalan tersebut setakat yang dibenarkan oleh Undang-undang bidang kuasa tersebut dengan tujuan, antara lain, supaya penepian kekebalan tersebut berkuat kuasa secara tidak boleh ditarik balik.

25. PERKARA LAIN

Perjanjian ini merangkumi keseluruhan perjanjian antara Anda dengan Apple dan mentadbir akses dan penggunaan Perkhidmatan Apple Business, menggantikan semua perjanjian terdahulu antara Anda dengan Apple, kecuali seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 22 (*Perjanjian Lain*). Apple boleh memindahkan hak dan kewajipannya dalam Perjanjian ini, secara keseluruhan atau sebahagian, tanpa sekatan atau notis. Anda tidak boleh memindahkan Perjanjian ini (atau kewajipan Anda di bawah perjanjian ini), termasuk, tanpa had, melalui penguatkuasaan undang-undang atau penggabungan, atau apa-apa cara lain tanpa kelulusan bertulis terdahulu daripada Apple', dan sebarang percubaan untuk memindahkan Perjanjian ini tanpa kelulusan bertulis terdahulu daripada Apple adalah terbatal dan tidak sah. Jika mana-mana bahagian dalam Perjanjian ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, bahagian itu akan ditafsirkan dalam cara yang konsisten dengan undang-undang yang berkenaan untuk menggambarkan sebaik yang mungkin niat asal kedua-dua belah pihak, dan bahagian yang lain akan terus berkuat kuasa sepenuhnya. Kegagalan

Apple’ untuk menguatkuasakan mana-mana hak atau peruntukan dalam Perjanjian ini tidak akan membentuk penepian terhadap hak atau peruntukan tersebut, atau mana-mana hak atau peruntukan lain dalam Perjanjian ini. Apa-apa undang-undang yang menyatakan bahawa bahasa suatu kontrak akan ditafsirkan terhadap pendraf tidak akan terpakai kepada Perjanjian ini. Apple tidak akan bertanggungjawab terhadap kegagalan untuk memenuhi apa-apa kewajipan atas sebab di luar kawalan Apple. Tajuk seksyen hanya untuk kemudahan dan tidak perlu dipertimbangkan dalam mentafsir Perjanjian ini. Perjanjian ini bukan untuk kepentingan mana-mana pihak ketiga. Kata sendi ‘‘atau’’ akan ditafsir dengan erti kata inklusif (dan/atau). Anda dan Apple menolak secara keseluruhan mana-mana clickwrap atau terma dan syarat standard lain yang dilampirkan kepada pesanan, pengesahan, penyerahan Kandungan Organisasi atau Maklumat Organisasi, atau dokumen lain, dan terma-terma tersebut tidak terpakai kepada Apple dan dinafikan sepenuhnya.

Jadual A
(kepada Terma Perkhidmatan)
Garis Panduan Perkhidmatan Apple Business

Apple berhak untuk mentafsir garis panduan ini dan mengambil (atau mengelak daripada mengambil) tindakan mengikut budi bicara mutlaknya. Tanpa menjejaskan sebarang remedi lain yang mungkin tersedia kepada Apple, Apple boleh mengalih keluar atau melumpuhkan akses kepada Kandungan Organisasi yang tidak boleh diterima secara kekal atau sementara, atau menamatkan atau menggantung akses dan penggunaan Anda kepada Perkhidmatan Apple Business tanpa notis atau liabiliti jika Apple (mengikut budi bicara mutlaknya) menentukan bahawa Anda (termasuk mana-mana Wakil) telah melanggar garis panduan ini. Anda bersetuju untuk bekerjasama dengan Apple untuk menyiasat dan membetulkan sebarang pelanggaran.

Perkara berikut adalah dilarang:

1. GANGGUAN.

A. Menjejaskan keselamatan atau operasi sistem Apple, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyiasat, mengimbas, atau menguji kelemahan mana-mana sistem atau rangkaian yang mengehoskan Perkhidmatan Apple Business. Larangan ini tidak terpakai kepada penilaian keselamatan yang dengan jelas dibenarkan oleh Apple.

B. Mengubah suai, kejuruteraan terbalik, atau menggodam Perkhidmatan Apple Business, memintas sebarang langkah keselamatan atau pengesahan, atau cuba mendapatkan akses tanpa kebenaran kepada Perkhidmatan Apple Business, sistem, rangkaian, atau data yang berkaitan.

C. Mengubah suai, melumpuhkan, atau menjejaskan integriti atau prestasi Perkhidmatan Apple Business atau sistem, rangkaian, atau data yang berkaitan.

D. Memecahkan sebarang penghantaran ke atau daripada pelayan yang menjalankan Perkhidmatan Apple Business.

E. Membebankan atau cuba membebankan infrastruktur Apple dengan mengenakan beban besar yang tidak munasabah pada sistem Apple yang menggunakan sumber luar biasa (CPU, memori, ruang cakera, lebar jalur, dll.), seperti:

i. Menggunakan "robot", "labah-labah", "pembaca luar talian", atau sistem automatik lain untuk menghantar lebih banyak mesej permintaan kepada pelayan Apple daripada yang boleh dihantar oleh manusia secara munasabah dalam tempoh masa yang sama dengan menggunakan penyemak imbas biasa;

ii. Melampaui dengan ketara parameter penggunaan untuk mana-mana Perkhidmatan Apple Business seperti yang diterangkan dalam Dokumentasi; atau

iii. Menggunakan jumlah storan yang tidak munasabah untuk muzik, video atau kandungan lain dengan cara yang tidak berkaitan dengan tujuan Perkhidmatan Apple Business direka bentuk.

2. AKTIVITI SALAH LAKU.

A. Penyalahgambaran diri sendiri atau menyamarkan asal mana-mana Kandungan Organisasi (termasuk dengan "spoofing", "phishing", memanipulasi pengepala atau pengecam lain, menyamar sebagai orang lain, atau menyatakan secara palsu sebarang penajaan atau hubungan dengan Apple atau pihak ketiga lain).

B. Menggunakan Perkhidmatan Apple Business untuk melanggar privasi orang lain, termasuk menerbitkan atau menyiarkan maklumat peribadi dan sulit milik orang lain tanpa kebenaran jelas mereka, mengumpul atau menghimpun maklumat peribadi orang lain (termasuk nama akaun atau maklumat) daripada Perkhidmatan Apple Business, membuat inferens tentang ciri-ciri atau maklumat peribadi (termasuk maklumat sensitif) mengenai orang lain menggunakan Perkhidmatan Apple Business, atau menganalisis atau menggunakan Perkhidmatan Apple Business dalam apa jua cara untuk cuba memperoleh identiti mana-mana individu atau peranti, atau cuba mengaitkan data yang disediakan melalui Perkhidmatan Apple Business dengan mana-mana individu atau peranti.

C. Menggunakan Perkhidmatan Apple Business untuk mengintai, menjejaki, atau memantau orang lain atau untuk mengganggu, membuli, menakut-nakutkan, atau menyiarkan ancaman atau tindakan keganasan secara langsung dan khusus (termasuk terorisme) terhadap orang lain.

D. Menggunakan Perkhidmatan Apple Business untuk apa-apa tujuan yang menyalahi undang-undang atau tidak sah (termasuk tanpa had pembangunan, reka bentuk, pembuatan, atau penghasilan senjata nuklear, peluru berpandu, kimia, atau biologi) atau melanggar mana-mana undang-undang (termasuk tanpa had undang-undang privasi data dan kawalan eksport).

E. Mengakses atau mencari mana-mana bahagian Perkhidmatan Apple Business dengan apa-apa cara selain melalui Apple Business atau API.

F. Menggunakan teg meta atau apa-apa "teks tersembunyi" termasuk nama produk atau tanda dagangan Apple atau pembekal Apple.

G. Menggunakan Perkhidmatan Apple Business bagi tujuan memberikan makluman mengenai senario bencana atau sebarang situasi lain yang berkaitan secara langsung dengan kesihatan atau keselamatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan keganasan, bencana alam, atau tindak balas kecemasan.

H. Menggunakan Perkhidmatan Apple Business untuk terlibat, mempromosikan, atau memudahkan amalan atau tingkah laku yang boleh membawa kepada layanan diskriminasi, tidak adil, atau berbahaya terhadap individu atau kumpulan orang, khususnya berdasarkan sifat atau ciri sensitif atau dilindungi.

I. Mengalih keluar, mengaburkan, atau mengubah sebarang notis hak cipta, tanda dagangan, atau sebarang hak proprietari lain atau notis undang-undang, dokumen, atau hiperpautan yang mungkin muncul dalam atau disediakan melalui Perkhidmatan Apple Business.

J. Menyalin, mengubah suai, atau mencipta Karya Terbitan daripada mana-mana bahagian Perkhidmatan Apple Business, menggunakan Perkhidmatan Apple Business untuk mencipta atau menambah baik perkhidmatan atau produk pesaing, atau mengakses atau menggunakan Perkhidmatan Apple Business secara tidak sah yang cuba untuk membuat prapengambilan, menyimpan dalam cache, mengindeks, mengekstrak, mengikis, atau menggunakan semula mana-mana bahagian Perkhidmatan Apple Business, termasuk tetapi tidak terhad kepada muat turun besar-besaran kandungan atau data yang tidak dibenarkan, atau penciptaan mana-mana pangkalan data berdasarkan kandungan atau data yang disediakan melalui Perkhidmatan Apple Business.

K. Menjual, memajak atau menyewakan akses kepada Perkhidmatan Apple Business (atau mana-mana bahagian daripadanya) kepada mana-mana pihak ketiga, kecuali seperti yang dibenarkan secara nyata oleh Apple.

3. KOMUNIKASI YANG TIDAK SESUAI.

A. Menggunakan Perkhidmatan Apple Business untuk menjana atau menghantar surat berantai, spam, pemesejan pukal, atau apa-apa bentuk komunikasi lain yang tidak diingini yang tidak mematuhi undang-undang spam yang berkenaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengiklanan yang tidak diminta, bahan promosi, atau pengumuman maklumat.

B. Menghantar sebarang virus komputer, cecacing, kuda trojan atau perisian hasad lain.

C. Menghubungi pengguna Apple untuk tujuan komersial, kecuali dibenarkan dengan jelas oleh Apple.

D. Mencemarkan nama baik Apple, rakan kongsi, vendor, atau sekutu kami.

E. Mempromosikan atau mengiklankan produk atau perkhidmatan selain milik anda sendiri tanpa kebenaran yang sewajarnya.

4. KANDUNGAN YANG TIDAK SESUAI.

A. Menyiarkan, memuat naik, berkongsi, menyerahkan, atau menggunakan Perkhidmatan Apple Business untuk menjana, memudahkan, mempromosikan, atau menyediakan Kandungan Organisasi yang:

i. Melanggar atau mencabuli hak harta intelek atau hak lain milik Apple atau pihak ketiga, termasuk hak cipta, tanda dagangan, paten, rahsia dagangan, hak moral, hak privasi, hak publisiti, atau mana-mana hak harta intelek lain atau hak proprietari atau kontrak, atau apabila Apple menerima notis tentang pelanggaran atau dakwaan pelanggaran tersebut;

ii. Anda tidak mempunyai hak untuk menyerahkan kandungan tersebut kepada Apple;

iii. Termasuk kandungan yang dihasilkan oleh pengguna (contohnya, penilaian dan ulasan) di mana anda tidak mempunyai hubungan langsung dengan pencipta kandungan tersebut, kecuali anda mempunyai semua kebenaran dan persetujuan yang diperlukan untuk menggunakan dan menyerahkan kandungan tersebut kepada Apple;

iv. Termasuk maklumat peribadi, persendirian atau sulit yang dimiliki oleh orang lain;

v. Meminta maklumat peribadi, privasi atau sulit daripada orang lain, termasuk daripada kanak-kanak di bawah umur 13 tahun (atau umur majoriti dalam bidang kuasa Anda);

vi. Menawarkan apa-apa jenis pampasan atau insentif sebagai pertukaran untuk penarafan atau ulasan;

vii. Adalah palsu, mengelirukan, menipu, memanipulasi, penipuan, menyalahi undang-undang, tidak mematuhi undang-undang, lucah, kesat, memfitnah, berunsur fitnah bertulis, mengancam, bersifat penderaan, memudaratkan, eksplisit secara seksual (termasuk bahan penderaan atau eksploitasi seksual kanak-kanak, yang akan dikeluarkan dan dilaporkan oleh Apple kepada pihak berkuasa), tidak senonoh, mengganggu, menghina, atau berunsur kebencian;

viii. Menyamar, atau menyalahgambarkan hubungan anda dengan orang, organisasi, atau entiti lain;

ix. Menggambarkan atau menggalakkan kecederaan serius atau sebarang bentuk perlakuan ganas, menyalahi undang-undang, keganasan, keganasan pengganas, perbuatan salah sivil, penipuan, berniat jahat, atau berbahaya;

x. Bertujuan untuk memprovokasi;

xi. Menyerang atau mendiskriminasi orang lain berdasarkan bangsa, etnik, asal negara, agama, jantina, gender, orientasi seksual, ketidakupayaan, keadaan perubatan, atau status lain yang serupa;

xii. Mengandungi perisian hasad, perisian pengintip, virus, kuda Trojan, bot, cecacing, bom jangka, perisian tebusan, eksploitasi skrip, atau rutin pengaturcaraan berbahaya atau memudaratkan lain yang serupa;

xiii. Boleh menyebabkan kecederaan, kerosakan, kematian, atau risiko bahaya yang boleh dipercayai kepada Apple, perkhidmatan, penggunanya, atau mana-mana pihak ketiga; atau

xiv. Pernah dialih keluar kerana melanggar Garis Panduan.

5. PENGGUNAAN YANG DILARANG.

A. Anda dilarang menggunakan mana-mana Perkhidmatan Apple Business untuk:

i. Meminta atau memberikan nasihat yang lazimnya disediakan oleh profesional yang berkelayakan atau berlesen, termasuk nasihat undang-undang, perubatan, kesihatan, kewangan atau nasihat profesional lain dalam apa-apa bentuk sekalipun;

ii. Membuat keputusan automatik dengan kesan undang-undang atau kesan signifikan yang serupa, termasuk dalam mana-mana bidang yang boleh menjejaskan hak, keselamatan, kesihatan atau kesejahteraan individu (sebagai contoh, dalam bidang kewangan, kredit, insurans, pekerjaan, perumahan, pendidikan, perkhidmatan penting, undang-undang atau penguatkuasaan undang-undang, migrasi, pengurusan infrastruktur kritikal, prosiding kehakiman, atau penilaian sosial);

iii. Melakukan aktiviti yang diklasifikasikan sebagai penggunaan yang dilarang atau berisiko tinggi di bawah Undang-undang bidang kuasa yang terpakai kepada penggunaan Anda dan sebarang output yang Anda hasilkan, termasuk, sebagai contoh, (1) untuk menyimpulkan emosi individu dalam persekitaran tempat kerja dan pendidikan, (2) untuk mengkategorikan individu menggunakan data biometrik mereka bagi membuat kesimpulan atau inferensi terhadap atribut sensitif (contohnya, bangsa atau pendapat politik), atau (3) untuk menilai atau mengklasifikasikan individu berdasarkan tingkah laku sosial atau ciri peribadi mereka dengan cara yang membawa kepada layanan yang memudaratkan atau tidak menguntungkan.

iv. Melibatkan diri dalam kempen politik atau melobi, termasuk menghasilkan bahan kempen untuk mempengaruhi proses politik, atau mengganggu penyertaan dalam proses pilihan raya, demokrasi, atau sivik; atau

v. Mengelirukan individu untuk mempercayai bahawa mereka berkomunikasi dengan manusia apabila sebenarnya tidak, atau mendakwa bahawa mana-mana Kandungan Organisasi yang dijana melalui kecerdasan buatan telah dijana oleh manusia.

B. Adalah melanggar garis panduan ini untuk menggunakan Perkhidmatan Apple Business untuk:

i. Berusaha untuk mengatasi atau memintas langkah teknikal atau keselamatan yang direka untuk melindungi Perkhidmatan Apple Business, termasuk, sebagai contoh, dengan menggunakan teknik seperti suntikan gesaan (prompt injection) dan pecah sekat (jailbreaking), atau dengan sengaja menggesa Perkhidmatan Apple Business untuk bertindak dengan cara yang melanggar garis panduan ini;

ii. Menggambarkan atau menyamar sebagai mana-mana individu atau organisasi lain tanpa persetujuan, kebenaran, atau hak undang-undang mereka untuk berbuat demikian; atau

iii. Terlibat dalam, menghasilkan atau mempromosikan maklumat palsu, maklumat salah, interaksi dalam talian palsu (seperti ulasan palsu), plagiat atau ketidakjujuran akademik.

Lampiran 1
(kepada Terma Perkhidmatan)
Terma Tambahan untuk Perkhidmatan Jenama

Terma yang dinyatakan dalam Terma Tambahan untuk Perkhidmatan Jenama ini akan terpakai apabila Anda menggunakan Perkhidmatan Jenama, seperti Mel Berjenama, Profil Jenama, dan menambah atau menuntut satu atau lebih lokasi pada Apple Maps ("**Tempat**"). Apabila Anda menambah atau menuntut Tempat, Anda boleh menyediakan data, maklumat, atau kandungan, seperti alamat, nombor telefon, waktu operasi, tapak web, halaman media sosial, foto, penilaian, ulasan, imej, dan tindakan (secara kolektif, "**Data Lokasi**") untuk Tempat tersebut. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang Data Lokasi yang Anda berikan merupakan Kandungan Organisasi di bawah Perjanjian.

A. KANDUNGAN LAMAN WEB

Setakat mana Anda menyerahkan, menyediakan, atau membuat tersedia kepada Apple melalui penggunaan Perkhidmatan Apple Business oleh Anda mana-mana domain atau laman web, termasuk sebagai sebahagian daripada Maklumat Organisasi ("**Laman Web Organisasi**"), Anda dengan ini memberikan kebenaran kepada Apple untuk mengekstrak, menyalin, menghantar, atau menyimpan (cache) maklumat dan kandungan yang tersedia secara umum daripada Laman Web Organisasi ("**Kandungan Laman Web**") bagi tujuan yang diterangkan dalam Perjanjian. Apple mungkin menggunakan Kandungan Laman Web untuk mencadangkan teks dan kandungan yang anda boleh simpan atau meluluskan ("**Kandungan Laman Web yang Diluluskan**"). Demi kejelasan, Kandungan Laman Web dan Kandungan Laman Web yang Diluluskan merupakan Kandungan Organisasi di bawah Perjanjian.

B. LESEN KEPADA APPLE

Anda dengan ini memberikan kepada Apple hak dan lesen bukan eksklusif, telah dilunaskan sepenuhnya, bebas royalti, tidak boleh ditarik balik, kekal, boleh disublesenkan, di seluruh dunia untuk menggunakan, memaparkan, melaksanakan, mengubah suai, menyesuaikan, mengkompilasi, menghasilkan semula, menggandakan, mengedarkan (secara langsung atau tidak langsung), menghantar, mencipta Karya Terbitan berdasarkan, dan mengeksploitasi Kandungan Organisasi (atau Karya Terbitan Apple daripadanya), secara keseluruhan atau sebahagian dan dalam mana-mana media yang kini diketahui atau ditemui kemudian, bagi membolehkan Apple, antara lain, mengendalikan, menyediakan, menambah baik, dan mempromosikan Perkhidmatan Apple Business, melaksanakan dan menjalankan hak di bawah Perjanjian ini, serta menyokong pengguna Produk Apple dalam pencarian, penemuan, dan interaksi dengan perniagaan. Sebagai sebahagian daripada penyampaian Perkhidmatan Apple Business, Apple boleh membenarkan pembangun pihak ketiga mengakses Kandungan Organisasi melalui Produk Apple untuk digunakan dengan aplikasi dan laman web pembangun pihak ketiga. Apple berhak, namun tidak diwajibkan untuk melaksanakan mana-mana atau semua hak dan lesen yang diberikan menurut Perjanjian ini.

C. PEMILIKAN

Apple akan memiliki dan mengekalkan semua hak, hak milik dan kepentingan ke atas reka bentuk, idea, lukisan, nota, laporan, dokumentasi, perkakasan, perisian, prototaip, algoritma, model, proses, pengetahuan, rahsia dagangan, produk, perkhidmatan, data, bahan, atau apa-apa item lain yang bersifat ketara atau tidak ketara yang dibangunkan atau dicipta berkaitan dengan atau yang berhubung dengan penggunaan Kandungan Organisasi oleh Apple. Untuk mengelakkan kekeliruan, Apple tidak diwajibkan untuk mendedahkan sebarang Karya Terbitan kepada Organisasi.

D. PENGGUNAAN API

Data Lokasi yang disediakan melalui API mesti mematuhi Dokumen Spesifikasi Penyepaduan Penyenaraian Perniagaan Apple Maps, yang boleh didapati di https://business.apple.com/docs/api/v1/introduction.

E. PENGESAHAN DATA

Anda mengakui dan bersetuju bahawa penggunaan anda terhadap Perkhidmatan Jenama mungkin memerlukan Apple untuk menghubungi anda menggunakan Data Lokasi yang anda berikan (misalnya, nombor telefon), sama ada secara manual atau automatik, bagi tujuan pengesahan atau tujuan lain yang berkaitan dengan penyediaan Perkhidmatan Apple Business.

F. AGENSI

Jika Kandungan Organisasi mengandungi Data Lokasi untuk Tempat yang tidak dimiliki atau dikawal oleh Anda, maka Anda mesti memilih pilihan "**Agensi**" semasa mendaftarkan Organisasi di Apple Business.

G. DELEGASI

Anda boleh mewakilkan kepada satu atau lebih Wakil ("**Delegasi**") untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan Apple Business bagi pihak Anda. Antara Anda dengan Apple, Anda bertanggungjawab dan menanggung liabiliti ke atas (a) sebarang data atau kandungan yang Anda (dan mana-mana Wakil atau Perwakilan) serahkan atau sediakan kepada Apple, (b) sebarang tindakan atau kelalaian Wakil atau Perwakilan, termasuk aktiviti yang berlaku pada atau melalui semua akaun dan kunci yang dikaitkan dengan Organisasi, dan (c) sebarang pelanggaran terma-terma Perjanjian oleh Wakil atau Perwakilan. Bagi tujuan Perjanjian, Perwakilan hendaklah dianggap sebagai Wakil.

H. DATA PERIBADI

Anda tidak akan memberikan Apple sebarang Data Lokasi yang mengandungi Data Peribadi kecuali Data Peribadi individu yang bertindak sebagai perniagaan kecil atau sederhana ("**PKS**"); dengan syarat bahawa sekiranya mana-mana Data Peribadi dikongsi secara tidak sengaja oleh Apple kepada Anda menurut Perjanjian, Anda akan memadamkannya dengan segera dan mematuhi sebarang permintaan pemadaman yang Anda terima daripada individu.

Selain kewajipan ganti rugi Anda di bawah Perjanjian, Anda akan bertanggungjawab ke atas kerosakan yang dialami oleh mana-mana individu akibat pemprosesan Data Peribadi oleh Anda, sekiranya Anda tidak mematuhi kewajipan Anda di bawah Perjanjian ini atau mana-mana Undang-undang yang berkenaan berkaitan dengan Data Peribadi, atau sekiranya Anda telah bertindak di luar atau bertentangan dengan arahan yang sah daripada Apple.

I. PERWAKILAN DAN WARANTI

Sebagai tambahan kepada Perwakilan dan Waranti yang dinyatakan dalam Seksyen 8 (*Perwakilan dan Waranti*), Anda mewakili, menjamin dan berjanji bahawa:

i. Anda merupakan pemilik tunggal dan eksklusif Data Lokasi dan mempunyai kuasa penuh untuk memberikan hak-hak yang diberikan kepada Apple di bawah Perjanjian ini, atau Anda mempunyai semua hak, lesen, kelulusan dan/atau persetujuan daripada pemilik Data Lokasi untuk memberikan hak-hak yang diberikan kepada Apple di bawah Perjanjian ini;

ii. Data Lokasi tidak akan mengandungi sebarang data, kod atau bahan lain yang tertakluk pada lesen GPL (GNU Public License) atau LGPL (Lesser GNU Public License), ODbL (Open Database License), atau mana-mana lesen lain (1) yang mewajibkan Apple untuk mengedarkan atau mendedahkan sebarang data atau perisian yang digabungkan dengan Data Lokasi atau membenarkan pihak ketiga melakukan kejuruteraan terbalik atau menggantikan mana-mana bahagian data atau perisian yang digabungkan dengan Data Lokasi, (2) yang memerlukan Apple melesenkan hak paten kepada mana-mana pihak, atau (3) yang mengenakan kewajipan atau had lain ke atas Apple yang tidak dinyatakan secara jelas dalam Perjanjian.

iii. Anda akan (1) mematuhi, dan memastikan Wakil serta Perwakilan mematuhi, Bahagian I (*Data Peribadi*) dan semua undang-undang yang berkenaan, termasuk tanpa had undang-undang berkaitan Data Peribadi; dan (2) memastikan bahawa anda mempunyai asas undang-undang yang sah untuk memproses, mendedahkan kepada, dan membenarkan Apple menggunakan Data Peribadi berkaitan PKS menurut terma Perjanjian ini, termasuk tanpa had Bahagian C (*Lesen kepada Apple*) di atas;

iv. Jika Anda menyediakan Data Lokasi dari wilayah India, Anda diperakui mengikut Garis Panduan untuk memperoleh dan menghasilkan Data Geospatial dan Perkhidmatan Data Geospatial termasuk Peta, di bawah Surat DST F.No.SM/25/02/2020 (Bahagian-I) bertarikh 15 Februari 2021 ("**Garis Panduan Geospatial**"), dan Anda juga mematuhi Garis Panduan Geospatial, serta semua Data Lokasi dari wilayah India mematuhi Garis Panduan Geospatial; dan

v. Anda tidak diwajibkan untuk mendaftar sebagai broker data di California, Vermont, Texas, atau mana-mana bidang kuasa lain yang mewajibkan perniagaan yang mengumpul, melesenkan atau menjual data daripada pengguna tanpa interaksi langsung untuk mendaftar dalam bidang kuasa tersebut.

J. KAWALAN EKSPORT

Anda bersetuju untuk tidak mengeksport, mengeksport semula, menjual semula, atau memindahkan sebarang komoditi, data teknikal, atau perisian: (i) yang melanggar sekatan yang dikenakan oleh Amerika Syarikat atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan nasional yang berkaitan; (ii) ke mana-mana negara yang memerlukan lesen eksport atau kelulusan kerajaan lain pada masa eksport, tanpa terlebih dahulu memperoleh semua lesen atau kelulusan yang diperlukan; (iii) ke mana-mana negara, warganegara, atau pemastautin negara yang dikenakan embargo perdagangan oleh Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan nasional yang berkenaan dengan bidang kuasa; atau (iv) kepada mana-mana individu atau firma yang ditetapkan sebagai pihak yang dikenakan sekatan oleh Kerajaan Amerika Syarikat atau pihak berkuasa kerajaan asing yang berkenaan dengan bidang kuasa (contoh senarai pihak yang dikenakan sekatan: Senarai Sekatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Senarai Penolakan Amerika Syarikat, Senarai Warganegara Yang Ditetapkan Khas oleh Pejabat Kawalan Aset Asing, Senarai Sekatan United Kingdom, Senarai Sekatan Kesatuan Eropah), tanpa kebenaran kerajaan yang sesuai. Selain itu, Anda bersetuju bahawa Anda tidak akan memberikan kepada Apple sebarang Kandungan Organisasi daripada pihak yang dikenakan sekatan, rantau yang dikenakan sekatan, atau negara yang dikenakan embargo.

K. KESAN PENAMATAN

Terma Tambahan untuk Perkhidmatan Jenama ini akan terus berkuat kuasa selepas tamat tempoh atau penamatan Perjanjian. Demi kejelasan, lesen yang diberikan kepada Apple di sini akan kekal selepas tamat tempoh atau penamatan Perjanjian. Penamatan atau tamat tempoh tidak akan membebaskan Anda atau Apple daripada sebarang liabiliti yang timbul daripada sebarang pelanggaran Perjanjian. Tiada Pihak akan bertanggungjawab kepada satu sama lain untuk sebarang bentuk kerosakan semata-mata akibat penamatan Perjanjian mengikut termanya, dan penamatan Perjanjian adalah tanpa prejudis kepada mana-mana hak atau remedi lain mana-mana Pihak. Untuk mengelakkan keraguan, Apple tidak diwajibkan untuk memadam, mengundur semula, atau melatih semula mana-mana model yang dibangunkan menggunakan Kandungan Organisasi.

Lampiran 2
(kepada Terma Perkhidmatan)
Terma Tambahan untuk Perkhidmatan Terurus

Tertakluk pada ketersediaan di negara atau rantau di mana Anda bermastautin, terma-terma yang dinyatakan dalam Terma Tambahan untuk Perkhidmatan Terurus ini terpakai kepada (i) pendaftaran Peranti Dibenarkan Anda ke dalam Apple Business; (ii) penggunaan fungsi pengurusan peranti sebagai sebahagian daripada Apple Business atau penyelesaian pengurusan peranti mudah alih ("**MDM**") lain dalam Organisasi; (iii) pemerolehan dan pengedaran Kandungan Berjumlah Besar untuk Pengguna Dibenarkan dan/atau Peranti Dibenarkan; (iv) penciptaan, pengedaran, dan pengurusan Akaun Apple Terurus untuk Pengguna Dibenarkan Anda; (v) penghantaran, penyimpanan, dan penyelenggaraan data oleh Apple bagi pihak Organisasi berkaitan dengan Perkhidmatan Terurus; (vi) akses kepada alat pemudahan Apple, seperti storan iCloud, direktori pekerja dan e-mel; (vii) akses kepada langganan untuk perkhidmatan berkaitan, seperti storan iCloud tambahan dan AppleCare+ untuk Perniagaan, oleh Pengguna Dibenarkan Anda; dan (viii) pemberian ciri dan fungsi tambahan Perkhidmatan Terurus kepada Pengguna Dibenarkan Anda (secara kolektif, "**Perkhidmatan Terurus**").

1. DEFINISI.

Istilah berhuruf besar yang ditakrifkan dalam kedua-dua Perjanjian dan Terma Tambahan untuk Perkhidmatan Terurus ini hendaklah mempunyai makna yang dinyatakan di sini dan mengawal berkenaan dengan Terma Tambahan untuk Perkhidmatan Terurus ini:

"**Pentadbir**" bermaksud pekerja atau Pekerja Kontrak atau Pembekal Perkhidmatan Organisasi yang telah ditambah pada Perkhidmatan Apple Business ini untuk tujuan pengurusan akaun, cth., mentadbir pelayan, memuat naik tetapan peruntukan MDM, menambah peranti pada akaun Anda, membeli kandungan dan melakukan perkhidmatan lain yang berkaitan.

"**Apple**" bermaksud yang berikut: (a) **Apple Inc.**, terletak di One Apple Park Way, Cupertino, California 95014 U.S.A, untuk Organisasi yang bermastautin di Amerika Syarikat, termasuk Puerto Rico; (b) **Apple Canada Inc.**, terletak di 120 Bremner Blvd., Suite 1600, Toronto ON M5J 0A8, Kanada, untuk Organisasi yang bermastautin di Kanada atau wilayah dan jajahannya; (c) **Apple Services LATAM LLC**, terletak di 2811 Ponce de Leon Boulevard, Tingkat 12, Coral Gables, Florida, untuk Organisasi yang bermastautin di Mexico, Amerika Tengah atau Selatan, atau mana-mana negara atau wilayah Caribbean (tidak termasuk Puerto Rico); (d) **iTunes K.K.**, terletak di Roppongi Hills, 6-10-1 Roppongi, Minato-ku, Tokyo 106-6140, Jepun, untuk Organisasi yang bermastautin di Jepun; (e) **Apple Pty Limited**, terletak di 20 Martin Place, Sydney NSW 2000, Australia, untuk Organisasi yang bermastautin di Australia dan New Zealand, di mana-mana wilayah dan bidang kuasa gabungan mereka; (f) **Apple Services Pte. Ltd.**, terletak di 7 Ang Mo Kio Street 64, Singapore 569086 untuk Organisasi yang bermastautin di Korea Selatan; dan (g) **Apple Distribution International Ltd.**, terletak di Hollyhill Industrial Estate, Hollyhill, Cork, Republik Ireland, untuk Organisasi yang bermastautin di semua negara atau wilayah lain yang tidak dinyatakan di atas di mana Perkhidmatan Terurus ditawarkan.

"**Perkhidmatan Apple**" bermaksud App Store, Apple Books, Apple Online Store, AppleCare, iCloud dan perkhidmatan Apple lain yang tersedia kepada Pengguna Sah Anda mengikut Perjanjian ini.

"**Perisian Apple**" bermaksud perisian sistem pengendalian iOS, iPadOS, macOS, tvOS, visionOS dan watchOS, atau mana-mana versi pengganti daripadanya.

"**Peranti Sah**" bermaksud peranti berjenama Apple yang Anda miliki atau kawal, telah ditetapkan untuk penggunaan oleh Pengguna Sah atau Pengguna Dibenarkan sahaja, dan yang layak untuk digunakan dalam Perkhidmatan Terurus. Untuk mengelakkan keraguan, peranti yang dimiliki secara peribadi oleh seseorang individu (cth., peranti yang "dibawa sendiri") tidak dibenarkan untuk didaftarkan dalam pengurusan peranti terselia (cth., dikonfigurasikan dengan Tetapan Pendaftaran Peranti) sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan Terurus, melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Apple secara bertulis, dan tidak semua peranti layak untuk ditambah pada Perkhidmatan Terurus.

"**Pengguna Sah**" bermaksud pekerja, Pekerja Kontrak, dan Penyedia Perkhidmatan bagi (i) Organisasi dan/atau (ii) anak syarikat milik penuh Organisasi secara langsung atau tidak langsung, jika berkenaan. Jika Anda sebuah hospital, istilah "Pengguna Sah" juga termasuk pakar perubatan bertauliah, pakar perubatan dan doktor yang merujuk). Untuk kejelasan: (i) Wakil yang bukan pekerja, Pekerja Kontrak dan Penyedia Perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam definisi ini tidak dianggap sebagai Pengguna yang Diberi Kuasa; dan (ii) Anda boleh meminta, dan Apple boleh meluluskan, mengikut budi bicara mutlaknya, pengguna lain yang serupa untuk dimasukkan sebagai "Pengguna yang Diberi Kuasa"; walau bagaimanapun, tiada pihak lain boleh dimasukkan dalam definisi ini tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Apple. Anda mewakili dan menjamin bahawa semua Pengguna Sah adalah berumur sekurang-kurangnya umur majoriti yang sah di bidang kuasa Anda.

"**Pekerja Kontrak**" bermaksud individu yang melakukan kerja atau menyediakan perkhidmatan bagi pihak mana-mana entiti secara bukan upah ikut kerja dan yang memiliki akses penggunaan dalaman ke sistem teknologi maklumat peribadi entiti tersebut (cth., VPN) dan/atau premis fizikal selamat (cth., akses lencana ke kemudahan korporat).

"**Tetapan Pendaftaran Peranti**" bermaksud tetapan untuk peranti berjenama Apple yang boleh dikonfigurasikan dan diurus sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan Terurus, termasuk tetapi tidak terhad kepada aliran pendaftaran awal bagi sesebuah peranti, dan tetapan untuk menyelia sesebuah peranti, menjadikan konfigurasi mandatori atau mengunci profil MDM.

"**Perjanjian Lesen Pengguna Akhir**" atau "**EULA**" bermaksud terma dan syarat perjanjian lesen perisian untuk Perisian Apple.

"**Akaun Apple Terurus**" bermaksud akaun pengguna (termasuk tetapi tidak terhad kepada storan, kalendar, nota dan kenalan) yang Anda cipta dan kerah melalui penggunaan Perkhidmatan Terurus.

"**Pelayan MDM**" bermaksud komputer yang dimiliki atau dikawal oleh Anda (atau oleh Pembekal Perkhidmatan yang bertindak bagi pihak Anda) yang telah ditetapkan untuk berkomunikasi dengan Perkhidmatan ini.

"**Entiti Dibenarkan**" bermaksud: (a) jika Anda ialah pengeluar kenderaan, perniagaan kenderaan sah dan rakan perkhidmatan bertauliah Anda; (b) jika Anda ialah syarikat pemegangan hotel, harta tanah hotel yang beroperasi di bawah nama, tanda dagangan atau jenama Anda (atau nama, tanda dagangan atau jenama pihak yang memiliki atau mengawalnya); atau (c) jika Anda mengerah app pada Peranti Sah dalam Mod App Terhad (cth., penyedia tempat jual yang mengerah sistem pembayaran berdasarkan app miliknya pada iPad), pelanggan Anda yang menggunakan app sedemikian dalam Mod App Terhad pada Peranti Sah. Selanjutnya, mana-mana app sedemikian mesti dibangunkan dan diedarkan mengikut terma Perjanjian Lesen Apple Developer Program (cth., pengedaran App Tersuai). Sebagai penjelasan, Anda boleh meminta, dan Apple boleh meluluskan, entiti lain yang menyerupai entiti dalam subseksyen (a) dan (b) di atas; namun, tiada entiti lain akan dimasukkan ke dalam takrifan ini tanpa persetujuan secara bertulis daripada Apple terlebih dahulu.

"**Pengguna Dibenarkan**" bermaksud pekerja dan Pekerja Kontrak Entiti Dibenarkan Anda.

"**Data Peribadi**" bermaksud data yang boleh digunakan secara munasabah untuk mengenal pasti individu yang berada di bawah kawalan Organisasi di bawah Perjanjian ini.

"**Mod App Terhad**" bermaksud apabila peranti berjenama Apple diselia dan dikonfigurasi melalui Perkhidmatan Terurus supaya (a) peranti tersebut melancarkan secara automatik dan dikunci kepada aplikasi tunggal apabila diaktifkan dan tiada kefungsian sistem pengendalian yang lain boleh diakses; atau (b) peranti tersebut tidak boleh diperibadikan oleh pengguna akhir (contohnya, tetapan peranti melarang app Mail daripada konfigurasi dengan kelayakan peribadi, Kandungan Pukal tidak dapat diperoleh daripada App Store dengan Akaun Apple peribadi, dsb.).

"**Penyedia Perkhidmatan**" bermaksud pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan bagi pihak Anda mengikut Perjanjian.

"**Token Pelayan**" bermaksud gabungan kunci awam Anda, Akaun Apple dan token yang disediakan oleh Apple yang membenarkan Pelayan MDM Anda didaftarkan dengan Perkhidmatan Terurus.

"**Subpemproses**" bermaksud pihak ketiga yang melakukan tugas tertentu bagi pihak Apple, seperti memproses atau menyimpan data dan menyediakan perkhidmatan pelanggan, sehubungan dengan peruntukan Perkhidmatan Terurus oleh Apple.

"**Kandungan Pukal**" bermaksud aplikasi, buku dan apa-apa bahan atau maklumat lain yang boleh dilesenkan atau diperoleh sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan Terurus menurut Adendum Perkhidmatan Kandungan Pukal yang dilampirkan di sini.

2. PENGGUNAAN PERKHIDMATAN TERURUS

2.1 Umumnya. Sebagai syarat penggunaan Perkhidmatan Terurus, Organisasi mengakui dan bersetuju bahawa:

A. Organisasi bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa penggunaan Perkhidmatan Terurus mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan, dan terhad kepada tujuan serta cara yang dibenarkan secara nyata oleh Perjanjian ini dan Dokumentasi. Tanggungjawab ini meluas kepada, tetapi tidak terhad kepada, semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan dengan penyimpanan data semasa menggunakan Perkhidmatan Terurus;

B. Organisasi tidak dibenarkan menggunakan mana-mana Perkhidmatan Terurus untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, tidak wajar, tidak sesuai, atau tidak sah;

C. Organisasi dibenarkan untuk menggunakan Perkhidmatan Terurus untuk mengurus Peranti Sah untuk kegunaan oleh Pengguna Sah dan Pengguna Dibenarkan sahaja dan bukannya untuk pengerahan umum kepada pihak ketiga (melainkan penggunaan yang dibenarkan secara nyata di dalam ini), dan Organisasi akan bertanggungjawab terhadap semua penggunaan Peranti Sah oleh pengguna sedemikian, termasuk tetapi tidak terhad kepada mendapatkan persetujuan dan memberikan maklumat yang sewajarnya kepada pengguna tentang ciri terurus peranti sedemikian;

D. Organisasi akan bertanggungjawab terhadap semua penggunaan Perkhidmatan Terurus oleh Entiti Dibenarkannya (dan mana-mana Pengguna Dibenarkan bagi Entiti Dibenarkan tersebut), dan apa-apa tindakan yang diambil oleh Entiti Dibenarkannya akan dianggap sebagai tindakan yang diambil oleh Organisasi, dan Organisasi (sebagai tambahan kepada Entiti Dibenarkannya) akan bertanggungjawab kepada Apple bagi semua tindakan sedemikian.

E. Organisasi akan mendapatkan semua hak dan persetujuan yang diperlukan daripada Pengguna Sah dan Pengguna Dibenarkannya untuk mengerahkan Peranti Sah seperti yang dibenarkan di bawah ini;

F. Organisasi mempunyai hak untuk membeli dan mengurus Kandungan Pukal seperti yang mungkin dibenarkan melalui Perkhidmatan Terurus dan akan mematuhi semua terma terpakai bagi penggunaan Kandungan Pukal;

G. Organisasi akan mendapatkan semua hak dan persetujuan yang diperlukan daripada Pengguna Sahnya apabila perlu untuk mencipta Akaun Apple Terurus dan untuk membenarkan Apple membekalkan Perkhidmatan Terurus bagi Akaun Apple Terurus (termasuk menggunakan dan menyelenggarakan Data Peribadi);

H. Organisasi boleh menambah Pentadbir kepada Perkhidmatan Terurus, namun hanya jika individu tersebut adalah pekerja atau Pekerja Kontrak Organisasi, atau Penyedia Perkhidmatan yang bertindak bagi pihak Organisasi, dan Organisasi boleh menambah pihak tersebut hanya untuk tujuan pengurusan akaun;

I. Organisasi tidak akan menjual semula apa-apa Peranti Sah dengan Tetapan Pendaftaran Peranti didayakan dan bersetuju untuk mengalih keluar Peranti sedemikian daripada Perkhidmatan Terurus sebelum menjualnya semula atau memindahkannya kepada pihak ketiga dalam apa jua cara; dan

J. Organisasi dibenarkan untuk menggunakan Perkhidmatan Terurus hanya untuk operasi perniagaan dalaman dan tujuan teknologi maklumatnya sendiri (dan Entiti Dibenarkannya) dan tidak dibenarkan untuk menyediakan peranti atau perkhidmatan kepada pihak ketiga (selain Entiti Dibenarkan yang diliputi oleh subseksyen (c) takrifan "Entiti Dibenarkan") yang berintegrasi dengan atau memanfaatkan perkhidmatan atau maklumat yang diberikan oleh Perkhidmatan ini atau menggunakan Perkhidmatan Terurus dalam apa-apa jua cara, atau dalam cara yang selainnya dipersetujui oleh Apple secara bertulis.

2.2 Tiada Penggunaan Lain yang Dibenarkan. Organisasi bersetuju untuk tidak mengeksploitasi Perkhidmatan Terurus dalam apa jua cara yang tidak dibenarkan oleh Perjanjian, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, dengan menceroboh, membebankan kapasiti rangkaian, atau memuat naik kod berniat jahat. Apa-apa percubaan untuk berbuat demikian merupakan pelanggaran hak Apple dan pemberi lesennya. Organisasi tidak boleh melesenkan, menjual, berkongsi, menyewa, memajak, menyerahkan hak, mengedarkan, mengehos, membenarkan penggunaan perkongsian masa atau biro perkhidmatan, atau menjadikan Perkhidmatan Terurus (atau mana-mana komponennya) tersedia dalam apa-apa cara sekalipun kepada mana-mana pihak ketiga, kecuali yang dibenarkan secara nyata dalam Perjanjian ini. Organisasi bersetuju untuk tidak menggunakan Perkhidmatan Terurus untuk memuat naik, memuat turun,

menyiarkan, menghantar e-mel, menghantar, menyimpan atau menyediakan: (i) sebarang kandungan yang menyalahi undang-undang, mengganggu, mengancam, berbahaya, menyatakan fitnah, lucah, mencerobohi privasi orang lain, mengutuk, menyinggung dari segi ras atau asal usul etnik atau secara lainnya mengacau; (ii) sebarang kandungan yang melanggar mana-mana hak cipta atau hak harta intelektual yang lain, atau melanggar mana-mana rahsia perdagangan, atau hak kontrak atau proprietari yang lain; (iii) sebarang mesej e-mel, iklan, bahan promosi, mel remeh, spam atau surat berangkai yang tidak diminta atau tidak dibenarkan; dan/atau (iv) sebarang kandungan yang mengandungi virus atau mana-mana kod, fail atau program komputer yang direka untuk merosakkan, mengganggu atau mengehadkan operasi biasa Perkhidmatan Terurus atau apa-apa perisian atau perkakasan komputer lain. Organisasi seterusnya bersetuju bahawa ia tidak akan menggunakan Perkhidmatan Terurus untuk menghendap, mengganggu, mengelirukan, menyalahguna, mengancam atau membahayakan atau berpura-pura menjadi orang lain selain entiti yang telah mendaftar, dan Apple berhak untuk menolak atau menyekat apa-apa akaun yang boleh disifatkan sebagai penyamaran atau memberikan gambaran yang salah bagi nama atau identiti entiti atau orang lain. Organisasi tidak akan campur tangan dalam Perkhidmatan Terurus, atau dalam mana-mana mekanisme keselamatan, penandatangan digital, pengurusan hak digital, penentusahan atau pengesahan yang dilaksanakan dalam atau oleh Perkhidmatan Terurus atau oleh Perisian Apple atau mana-mana perisian atau teknologi Apple yang berkaitan, atau membolehkan orang lain berbuat demikian. Semua hak yang tidak diberikan secara nyata dalam Perjanjian adalah terpelihara dan tiada lesen, imuniti, atau hak lain, sama ada secara nyata atau tersirat, yang diberikan oleh Apple, secara implikasi, estopel, atau sebaliknya.

2.3 Penggunaan Token Pelayan. Organisasi bersetuju untuk menggunakan Token Pelayan hanya untuk tujuan mendaftarkan Pelayan MDM Organisasi ke dalam Perkhidmatan Terurus dan memuat naik Tetapan Pendaftaran Peranti yang akan dihantar ke Peranti Sah apabila ia mula-mula diaktifkan oleh Pengguna Sah dan Pengguna Dibenarkan. Organisasi bersetuju untuk tidak memberikan atau memindahkan Token Pelayan kepada mana-mana entiti lain atau berkongsi dengan mana-mana entiti lain, tidak termasuk Pembekal Perkhidmatannya. Organisasi bersetuju untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk melindungi keselamatan dan privasi Token Pelayan sedemikian dan membatalkannya jika ia telah terjejas atau Organisasi mempunyai sebab untuk mempercayai ia telah terjejas. Apple berhak untuk membatalkan atau melumpuhkan Token Pelayan pada bila-bila masa atas budi bicara mutlak Apple sekiranya Apple mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa (i) keselamatan dan privasi Token Pelayan telah dikompromi atau (ii) pelanggaran Perjanjian ini telah berlaku. Selanjutnya, Organisasi memahami dan bersetuju bahawa penjanaan semula Token Pelayan akan menjejaskan keupayaan Organisasi untuk menggunakan Perkhidmatan Terurus sehingga Token Pelayan baharu telah ditambah kepada Pelayan MDM.

2.4 Akaun Apple Terurus. Anda boleh mencipta Akaun Apple Terurus bagi Pengguna Sah Anda untuk diakses dan digunakan sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan Terurus mengikut Perjanjian. Tertakluk pada ketersediaan di negara atau rantau tempat Anda bermastautin, Anda bertanggungjawab untuk menentukan ciri dan kefungsian Perkhidmatan Terurus yang akan didayakan untuk Pengguna Sah Anda serta untuk penciptaan, penggunaan dan pengurusan Akaun Apple Terurus.

Untuk mencipta Akaun Apple Terurus bagi kegunaan Pengguna Sah, maklumat berikut yang mungkin termasuk Data Peribadi adalah diperlukan: nama, peranan yang dicadangkan, kata laluan, alamat e-mel (untuk tujuan hubungan) dan nombor telefon. Bagi melindungi keselamatan akaun Pengguna Sah dan mengekalkan keupayaan Anda untuk menetapkan semula kata laluan Pengguna Sah Anda dengan mudah di dalam talian, Anda harus mengekalkan maklumat ini rahsia. Anda bersetuju untuk mengerahkan Akaun Apple Terurus hanya untuk tujuan perniagaan dalaman atau teknologi maklumat Anda sendiri dan hanya kepada Pengguna Sah Anda. Anda bersetuju supaya tidak berkongsi, menjual, menjual semula, menyewa,

memajak, meminjam atau secara lainnya memberikan akses Akaun Apple Terurus kepada sesiapa sahaja selain Pengguna Sah Anda. Anda boleh melumpuhkan, menggantung, atau memadamkan Akaun Apple Terurus daripada akaun Anda (contohnya, jika Pengguna Sah meninggalkan Organisasi). Apple berhak untuk mengehadkan bilangan Akaun Apple Terurus yang boleh dicipta untuk Pengguna Sah Anda dan bilangan Peranti Sah yang dikaitkan dengan sesebuah akaun. Maklumat tambahan, termasuk Data Peribadi, mungkin diperlukan untuk ciri tertentu dan kefungsian Perkhidmatan Terurus yang Anda dayakan untuk Pengguna Sah Anda, seperti direktori.

Jika Anda menyediakan Perkhidmatan Apple lain untuk didaftar masuk oleh Pengguna Sah Anda, atau membenarkan Pentadbir atau Pengguna Sah Anda mendaftarkan Organisasi Anda untuk Perkhidmatan Apple lain, Anda bersetuju untuk membenarkan Perkhidmatan Apple mengakses dan memaparkan maklumat mengenai Organisasi Anda serta Data Peribadi yang dikaitkan dengan Akaun Apple Terurus Pentadbir atau Pengguna Sah Anda bagi tujuan pendaftaran dan hubungan. Anda juga bersetuju untuk membenarkan Perkhidmatan Apple menyimpan data dalam akaun yang dikaitkan dengan Akaun Apple Terurus Pengguna Sah tersebut, dan untuk Apple mengumpul, menyimpan dan memproses data sedemikian berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan Apple Anda dan/atau Pengguna Sah Anda mengikut undang-undang yang berkenaan. Sekiranya Anda bermastautin di tanah besar China, Anda memahami bahawa fungsi iCloud yang berkaitan untuk menyokong penggunaan Perkhidmatan Apple disediakan oleh AIPO Cloud (Guizhou) Technology Co. Ltd. (GCBD), dan penggunaan fungsi tersebut oleh Anda adalah tertakluk pada Terma dan Syarat iCloud yang dikendalikan oleh GCBD (https://www.apple.com/legal/internet-services/icloud/en/gcbd-terms.html), seperti yang berkenaan. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Anda dan Pengguna Sah Anda mematuhi semua undang-undang yang berkenaan untuk setiap Akaun Apple Terurus berdasarkan Perkhidmatan Apple yang Anda benarkan Pengguna Sah Anda akses. Jika Pentadbir, pengurus atau kakitangan Anda mengakses Perkhidmatan Apple tertentu, Apple mungkin menghubungi Pengguna Sah Anda tentang penggunaan Perkhidmatan Apple mereka.

2.5 Entiti Dibenarkan dan Pengguna Dibenarkan. Tertakluk pada terma Perjanjian ini, Entiti Dibenarkan dan Pengguna Dibenarkan boleh mengakses Perkhidmatan Terurus di bawah akaun Anda, selain penggunaan dan pengerahan Akaun Apple Terurus (kecuali dengan persetujuan bertulis daripada Apple secara berasingan terlebih dahulu). Anda bertanggungjawab untuk pematuhan dengan terma Perjanjian oleh Entiti Dibenarkan dan Pengguna Dibenarkan dan bertanggungjawab secara langsung kepada Apple untuk mana-mana pelanggaran Perjanjian oleh Entiti Dibenarkan dan Pengguna Dibenarkan Anda. Jika Anda (atau Pembekal Perkhidmatan yang bertindak bagi pihak Anda) menambah peranti berjenama Apple ke Perkhidmatan Terurus yang dimiliki oleh Entiti Dibenarkan, Anda menyatakan dan menjamin kepada Apple yang Entiti Dibenarkan itu telah membenarkan Anda untuk menambah peranti sedemikian, dan Anda mempunyai kuasa untuk menerima EULA bagi pihak Entiti Dibenarkan tersebut (dan Pengguna Dibenarkannya, jika berkenaan). Apple berhak untuk: menetapkan had pada ciri atau kefungsian Perkhidmatan Terurus yang Organisasi boleh membenarkan Entiti Dibenarkannya (atau Pengguna Dibenarkannya) untuk akses atau guna, dan untuk memerlukan Anda mengalih keluar mana-mana Entiti Dibenarkan atau Pengguna Dibenarkan daripada akaun Anda pada bila-bila masa, mengikut budi bicaranya sendiri.

2.6 Pembekal Perkhidmatan Pihak Ketiga. Anda dibenarkan untuk menggunakan Pembekal Perkhidmatan hanya jika akses dan penggunaan Perkhidmatan Terurus oleh Pembekal Perkhidmatan tersebut dilakukan bagi pihak Anda dan mengikut Perjanjian, dan tertakluk pada perjanjian bertulis yang terikat antara Anda dengan Pembekal Perkhidmatan itu dengan syarat-syarat yang sekurang-kurangnya sama menyekat dan melindungi Apple seperti yang dinyatakan di dalam ini. Sebarang tindakan yang

dilakukan oleh mana-mana Pembekal Perkhidmatan sedemikian berhubung dengan Perkhidmatan Terurus dan/atau yang timbul daripada Perjanjian hendaklah dianggap sebagai dilakukan oleh Anda, dan Anda (sebagai tambahan kepada Pembekal Perkhidmatan) hendaklah bertanggungjawab kepada Apple bagi semua tindakan (atau apa-apa ketiadaan tindakan) sedemikian. Jika sebarang tindakan atau ketiadaan tindakan oleh Pembekal Perkhidmatan mungkin melanggar Perjanjian ini atau secara lainnya menyebabkan apa-apa jua kerosakan, Apple berhak untuk memerlukan Anda berhenti menggunakan Pembekal Perkhidmatan sedemikian.

2.7 Perjanjian Lesen Pengguna Akhir Perisian Apple. Sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan Terurus, Organisasi boleh memilih supaya Pengguna Sah dan Pengguna Dibenarkannya menerima terma dan syarat Perisian Apple di luar proses pengaktifan awal yang biasa pada sesebuah peranti. Organisasi boleh menggunakan ciri Perkhidmatan Terurus ini selagi Organisasi bersetuju dengan keperluan berikut:

A. Wakil sah Organisasi mesti menerima EULA untuk Perisian Apple pada portal web Apple Business sebelum mengerahkan Peranti Sah yang menjalankan Perisian Apple sedemikian kepada Pengguna Sah dan Pengguna Dibenarkan;

B. Jika EULA untuk Perisian Apple telah berubah, Organisasi bersetuju untuk memastikan wakil sahnya kembali ke portal web Apple Business dan menerima EULA tersebut dengan serta-merta selepas notis daripada Apple untuk terus menggunakan Perkhidmatan Terurus. Organisasi mengakui bahawa ia tidak akan dapat menggunakan Perkhidmatan Terurus, termasuk mengaitkan Peranti Sah tambahan dengan Pelayan MDM Organisasi, sehingga EULA sedemikian diterima;

C. Organisasi bertanggungjawab untuk memastikan bahawa EULA sedemikian diberikan kepada Pengguna Sah dan Pengguna Dibenarkan, dan bahawa setiap Pengguna Sah dan Pengguna Dibenarkan sedar akan dan mematuhi terma dan syarat EULA bagi Perisian Apple; dan

D. Organisasi bersetuju untuk bertanggungjawab terhadap pemerolehan apa-apa persetujuan untuk penggunaan Perisian Apple oleh Pengguna Sah dan Pengguna Dibenarkan.

Untuk mengelakkan keraguan, tiada apa-apa dalam Perjanjian yang menggantikan EULA untuk Perisian Apple.

2.8 Pembelian Kandungan Pukal. Keupayaan untuk membeli, melesenkan, dan mengedarkan aplikasi dan buku melalui Perkhidmatan Kandungan Pukal dalam Apple Business adalah terhad kepada Organisasi yang bermastautin, atau mempunyai operasi yang boleh disahkan, dalam negara atau rantau di mana Perkhidmatan Kandungan Pukal tersedia pada masa ini. Senarai negara dan rantau sedemikian yang tersedia boleh dilihat di https://support.apple.com/102867. Penggunaan Perkhidmatan Kandungan Pukal di luar negara dan rantau yang tersedia atau memalsukan negara atau rantau bermastautin anda untuk mengakses Perkhidmatan Kandungan Pukal adalah dilarang sama sekali.

Perkhidmatan Kandungan Pukal tidak didayakan secara lalai dan diaktifkan semata-mata mengikut budi bicara Organisasi. Anda boleh memilih untuk mengaktifkan akses pentadbir anda kepada Kandungan Pukal dengan memberikan mereka kuasa pembelian dan membenarkan mereka mengakses Kandungan Pukal melalui Perkhidmatan Terurus. Pembelian yang anda lakukan melalui Perkhidmatan Kandungan Pukal adalah tertakluk pada Adendum Perkhidmatan Kandungan Pukal yang dilampirkan di sini dan sekatan Perjanjian.

3. KEWAJIPAN TAMBAHAN

Organisasi mewakili dan menjamin bahawa:

A. Organisasi akan memantau dan bertanggungjawab untuk penggunaan Perkhidmatan Terurus oleh wakil sah, Pentadbir, Pembekal Perkhidmatan, Pengguna Sah, Pengguna Dibenarkan dan Entiti Dibenarkannya serta pematuhan mereka dengan terma Perjanjian;

B. Organisasi akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua kos, perbelanjaan, kerugian dan liabiliti yang tertanggung, dan aktiviti yang dijalankan oleh Organisasi, wakil sah, Pentadbir, Pembekal Perkhidmatan, Pengguna Sah, Pengguna Dibenarkan, Entiti Dibenarkan dan Peranti Sahnya, berkaitan dengan Perkhidmatan Terurus;

C. Organisasi bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan pematuhan terhadap semua undang-undang perlindungan data dan privasi (cth., Peraturan (EU) 2016/679 Parlimen Eropah dan Majlis 27 April 2016 mengenai perlindungan orang sebenar berkenaan dengan pemprosesan Data Peribadi dan pergerakan bebas data tersebut, dan pemansuhan direktif 95/46/EC ("GDPR")) berkenaan dengan penggunaan Perkhidmatan Terurus dan penggunaan atau pengumpulan data, termasuk Data Peribadi, dan maklumat melalui Perkhidmatan Terurus;

D. Organisasi bertanggungjawab terhadap aktivitinya yang berkaitan dengan Data Peribadi (contohnya, melindungi, memantau dan mengehadkan akses kepada Data Peribadi, melarang dan menangani aktiviti yang tidak wajar dan sebagainya); dan

E. Organisasi akan mematuhi terma dan memenuhi kewajipan Organisasi di bawah Perjanjian.

4. PEMPROSESAN DATA; PRIVASI DAN KESELAMATAN

4.1 Penggunaan dan Pendedahan Data Peribadi. Apple, bertindak sebagai pemproses data bagi pihak Anda berkenaan dengan Perkhidmatan Terurus, mungkin menerima atau mempunyai akses kepada Data Peribadi, jika disediakan oleh Anda atau bagi pihak Anda. Dengan memeterai Perjanjian ini, anda memberikan arahan kepada Apple untuk memproses dan menggunakan Data Peribadi ini bagi tujuan menyediakan serta menyelenggara Perkhidmatan Terurus menurut undang-undang yang berkenaan. Arahan anda yang diberikan melalui penggunaan Perkhidmatan Terurus (misalnya, arahan yang diberikan melalui Perkhidmatan Terurus), serta sebarang arahan bertulis lain yang diberikan oleh Anda dan diterima serta diakui secara bertulis oleh Apple, dan Apple hanya akan memproses Data Peribadi berdasarkan arahan yang didokumentasikan tersebut, kecuali dikehendaki oleh undang-undang untuk berbuat demikian; dalam hal ini, Apple akan memaklumkan Anda tentang keperluan undang-undang tersebut sebelum memproses, kecuali undang-undang itu melarang pemberitahuan tersebut atas alasan penting kepentingan awam. Selain itu, Apple mungkin memproses Data Peribadi untuk memudahkan penyediaan kemaskinian perisian, sokongan produk, dan ciri-ciri lain yang berkaitan dengan Perkhidmatan; untuk tujuan keselamatan dan pengurusan akaun; serta untuk mengesahkan pematuhan dengan terma-terma Perjanjian ini.

4.2 Insiden Data. Jika Apple menyedari bahawa Data Peribadi telah diubah, dipadamkan atau hilang sebagai akibat daripada apa-apa akses kepada Perkhidmatan Terurus yang tidak dibenarkan (a "**Insiden Data**"), Apple akan memaklumkan kepada Organisasi tanpa kelengahan yang tidak wajar jika dikehendaki oleh undang-undang, dan Apple akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk meminimumkan kerosakan dan melindungi data tersebut. Pemberitahuan tentang, atau tindakan balas kepada, Insiden Data oleh Apple tidak akan dianggap sebagai pengiktirafan oleh Apple terhadap apa-apa tanggungjawab atau liabiliti yang berkaitan dengan Insiden Data. Organisasi bertanggungjawab untuk mematuhi undang-undang pemberitahuan insiden yang berkenaan dan memenuhi apa-apa kewajipan pihak ketiga yang berkaitan dengan Insiden Data. Apple tidak akan mengakses kandungan Data Peribadi untuk mengenal pasti maklumat tertakluk pada apa-apa keperluan undang-undang tertentu.

4.3 Prosedur Keselamatan; Pematuhan. Apple hendaklah menggunakan langkah-langkah piawai industri untuk melindungi Data Peribadi semasa pemindahan, pemprosesan dan storan Data Peribadi sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan Terurus. Sebagai sebahagian daripada langkah ini, Apple akan melakukan usaha yang munasabah dari segi komersial untuk menyulitkan Data Peribadi pada masa melahu dan semasa pemindahan; memastikan bahawa kerahsiaan, integriti, ketersediaan dan daya pemulihan Perkhidmatan Terurus terpelihara secara berterusan; sekiranya masalah berlaku, memulihkan ketersediaan Data Peribadi tepat pada masanya; dan menguji, menghitung dan menilai keberkesanan langkah-langkah tersebut secara tetap. Apple akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan pematuhan dengan prosedur keselamatan oleh pekerja, kontraktor dan Subpemprosesnya, dan Apple hendaklah memastikan bahawa mana-mana orang yang dibenarkan untuk memproses Data Peribadi sedemikian mematuhi undang-undang yang berkenaan mengenai kerahsiaan dan keselamatan Data Peribadi berkaitan dengan Perkhidmatan Terurus. Data Peribadi yang disulitkan boleh disimpan mengikut budi bicara geografi Apple. Setakat yang Apple bertindak sebagai pemproses data, Apple akan membantu Anda dengan memastikan pematuhan Anda, jika berkenaan, dengan yang berikut: (a) Artikel 28 GDPR atau kewajipan lain yang setara di bawah undang-undang (dengan menyediakan semua maklumat yang diperlukan; dengan membenarkan dan menyumbang kepada audit (dengan syarat persijilan ISO 27001 dan ISO 27018 Apple Inc. dianggap mencukupi untuk tujuan audit yang diperlukan tersebut) dan dengan memaklumkan kepada Anda, seperti yang dikehendaki oleh undang-undang yang berkenaan, jika, pada pendapat Apple, mana-mana arahan Anda melanggar GDPR atau peruntukan perlindungan data Kesatuan Eropah atau Negara Anggota Kesatuan Eropah yang lain); (b) Artikel 32 GDPR atau kewajipan setara yang lain di bawah undang-undang (termasuk melaksanakan prosedur keselamatan yang dinyatakan dalam Seksyen 4.3 ini dan dengan mengekalkan Persijilan ISO 27001 dan ISO 27018); (c) Artikel 33 dan 34 GDPR atau kewajipan setara yang lain di bawah undang-undang (dengan membantu Anda memberikan notis yang diperlukan tentang Insiden Data kepada pihak berkuasa penyeliaan atau subjek data); (d) Artikel 35 dan 36 GDPR atau kewajipan setara yang lain di bawah undang-undang yang memerlukan Organisasi menjalankan penilaian kesan perlindungan data atau berunding dengan pihak berkuasa penyeliaan sebelum pemprosesan; (e) penyiasatan oleh pengawal selia perlindungan data atau pihak berkuasa serupa berkenaan Data Peribadi; dan (f) kewajipan Anda untuk membalas permintaan bagi melaksanakan hak subjek data di bawah GDPR atau kewajipan setara yang lain di bawah undang-undang, mengambil kira sifat pemprosesan mengikut ukuran teknikal dan organisasi yang sesuai, setakat mana hal ini boleh dilakukan. Sekiranya negara atau rantau bermastautin Anda berada dalam Kesatuan Eropah, syarat tambahan berikut yang berkaitan dengan Peraturan (EU) 2023/2854 terpakai: https://support.apple.com/guide/deployment/depe03a2705f. Apple akan memaklumi Anda, jika pada pendapatnya, Apple tidak lagi dapat memenuhi kewajipan di bawah Akta Privasi Pengguna California (CCPA) atau undang-undang dan peraturan perlindungan data lain yang terpakai.

4.4 Subpemproses. Apple mungkin akan memberikan Data Peribadi kepada Subpemproses yang menyediakan perkhidmatan kepada Apple sehubungan dengan Perkhidmatan Terurus. Anda membenarkan Apple menggunakan semua entiti Apple yang dinyatakan dalam takrifan "Apple" sebagai Subpemproses dan menggunakan mana-mana Subpemproses lain; selagi Subpemproses itu terikat secara kontrak dengan kewajipan perlindungan data sekurang-kurangnya sama melindungi seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian. Jika Subpemproses gagal memenuhi kewajipan perlindungan datanya, Apple akan kekal bertanggungjawab kepada Anda untuk prestasi kewajipan Subpemproses itu setakat yang dikehendaki oleh undang-undang yang berkenaan. Anda boleh meminta senarai terkini Subpemproses di bawah Perjanjian dengan menghantar e-mel ke dpo@apple.com.

4.5 Akses dan Pemindahan Data; Penamatan; Organisasi sebagai Pemproses. Jika dikehendaki oleh undang-undang dan atas permintaan, Apple akan memastikan perlindungan yang sewajarnya bagi pemindahan data antarabangsa, seperti yang ditetapkan dalam undang-undang yang berkenaan, dilaksanakan. Perlindungan itu mungkin termasuk Klausa Kontrak Model seperti yang dilaksanakan oleh Apple, atau perjanjian pemindahan data yang lain, yang anda bersetuju untuk mengikat perjanjiannya jika dikehendaki oleh bidang kuasa Anda, seperti yang dilaksanakan oleh Apple di https://www.apple.com/legal/platform-services/datatransfer/. Pemindahan Data Peribadi antarabangsa Apple yang dikumpulkan di negara yang merupakan sebahagian daripada Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) mematuhi Sistem Peraturan Privasi Merentasi Sempadan (CBPR) APEC (http://cbprs.org/) dan Sistem Pengiktirafan Privasi untuk Pemproses (PRP) (http://cbprs.org/) untuk pemindahan Data Peribadi. Sekiranya terdapat soalan atau kebimbangan yang belum selesai tentang persijilan CBPR atau PRP APEC kami, anda boleh menghubungi penyedia penyelesaian pertikaian pihak ketiga (https://feedback-form.truste.com/watchdog/request). Apple tidak bertanggungjawab terhadap data yang Anda simpan atau pindah di luar sistem Apple. Setelah Perjanjian ditamatkan atas apa-apa jua sebab, Apple hendaklah menghapuskan secara selamat Data Peribadi yang disimpan oleh Apple berhubung dengan penggunaan Perkhidmatan Terurus Anda dalam jangka masa yang munasabah, melainkan untuk menghalang penipuan atau diperlukan oleh undang-undang. Setakat yang Organisasi mengikat Perjanjian sebagai pemproses data bagi Entiti Dibenarkan, Organisasi menyatakan dan menjamin bahawa Organisasi mengikat Perjanjian ini bagi pihaknya sendiri, dan setakat had yang ditetapkan di dalam ini, Entiti Dibenarkan sedemikian. Organisasi menyatakan bahawa ia mempunyai persetujuan yang berkenaan daripada Entiti Dibenarkan sedemikian untuk mengikat Perjanjian ini dan melibatkan Apple sebagai subpemproses bagi pihak entiti tersebut, dan bertanggungjawab kepada Apple untuk apa-apa tuntutan daripada Entiti Dibenarkan sedemikian yang berhubung padanya. Apple tidak akan mendedahkan sebarang Data Peribadi dalam cara yang dianggap sebagai "jualan" atau "perkongsian" (mengikut terma yang ditakrifkan dalam CCPA atau apa-apa konsep yang serupa dalam undang-undang perlindungan data yang lain) Data Peribadi serta Apple tidak akan terlibat dalam mana-mana aktiviti pemprosesan yang berkenaan dengan Perjanjian yang akan membentuk "jualan" atau "perkongsian" Data Peribadi.

4.6 Akses kepada Produk dan Perkhidmatan Pihak Ketiga. Jika Anda memilih untuk mengakses, menggunakan, memuat turun, memasang atau mendayakan produk atau perkhidmatan pihak ketiga yang beroperasi dengan Perkhidmatan Terurus tetapi bukan sebahagian daripada Perkhidmatan Terurus tersebut, maka produk atau perkhidmatan sedemikian boleh dibenarkan untuk mengakses Data Peribadi seperti yang diperlukan untuk penggunaan perkhidmatan tambahan itu. Sesetengah produk atau perkhidmatan pihak ketiga tersebut mungkin turut memberi Apple akses kepada Data Peribadi, seperti jika Anda membenarkan Pengguna Akhir Anda untuk log masuk kepada Apple Business tersebut melalui pembekal identiti bersekutu. Anda tidak perlu menggunakan produk atau perkhidmatan tambahan sedemikian berhubung dengan Perkhidmatan Terurus dan Pentadbir Anda mungkin mengehadkan penggunaan produk atau perkhidmatan tambahan tersebut mengikut Perjanjian. Sebelum mengakses, menggunakan, memuat turun, memasang atau mendayakan produk atau perkhidmatan pihak ketiga untuk digunakan bersama Akaun Apple Terurus, Anda harus menyemak syarat-syarat, dasar dan amalan produk dan perkhidmatan pihak ketiga berkenaan untuk memahami jenis data yang mungkin dikumpulkan oleh mereka daripada Pengguna Sah Anda, cara data tersebut mungkin digunakan, dikongsi dan disimpan, dan, jika berkenaan, sama ada amalan tersebut konsisten dengan mana-mana kebenaran yang telah Anda peroleh.

4.7 Lain-lain. Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan, Apple boleh mendedahkan Data Peribadi tentang Anda jika Apple berpendapat bahawa pendedahan adalah wajar dan diperlukan untuk menguatkuasakan terma dan syarat Apple atau melindungi operasi atau pengguna Apple. Selain itu, sekiranya berlaku penyusunan semula, penggabungan atau jualan, Apple boleh memindahkan mana-mana dan semua Data Peribadi yang Anda bekalkan kepada pihak yang berkaitan. PENDEDAHAN INI TIDAK DIGUNA PAKAI TERHADAP AMALAN PENGUMPULAN DATA APA-APA JUA KANDUNGAN (TERMASUK APP PIHAK KETIGA). SEBELUM MEMBELI ATAU MEMUAT TURUN KANDUNGAN SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA PERKHIDMATAN APPLE BUSINESS, ANDA DISARANKAN UNTUK MENYEMAK TERMA, DASAR, DAN AMALAN KANDUNGAN SEDEMIKIAN. Sekiranya Apple menerima permintaan daripada pihak ketiga untuk Data Peribadi ("Permintaan Pihak Ketiga"), Apple akan memaklumkan Anda, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tentang penerimaan Permintaan Pihak Ketiga, dan memaklumkan kepada peminta untuk menghantar Permintaan Pihak Ketiga sedemikian kepada Anda. Melainkan dikehendaki sebaliknya oleh undang-undang atau Permintaan Pihak Ketiga, Anda akan bertanggungjawab untuk membalas Permintaan tersebut.

Selain itu, Apple serta sekutu dan ejennya boleh mengumpul dan memproses maklumat diagnostik, teknikal, penggunaan dan statistik agregat yang berkaitan dengan cara yang tidak mengenal pasti Pengguna Sah Anda secara peribadi, bagi tujuan menyediakan dan meningkatkan peranti dan perkhidmatan Apple, termasuk Perkhidmatan Terurus, untuk tujuan dalaman seperti audit, analisis data, dan penyelidikan bagi memperbaiki peranti, perkhidmatan dan komunikasi pelanggan Apple, memudahkan penyediaan perisian atau kemaskinian perisian, sokongan peranti dan perkhidmatan lain kepada Anda (jika ada) yang berkaitan dengan Perkhidmatan Terurus atau perisian tersebut, untuk tujuan keselamatan dan pengurusan akaun, serta untuk mengesahkan pematuhan dengan terma Perjanjian ini. Apple boleh berkongsi data yang dikumpul menurut Seksyen 4.7 ini dengan penjual semula sah Apple setakat yang diperlukan untuk menyediakan dan menambah baik Perkhidmatan Terurus. Data yang dikumpul menurut Seksyen ini akan diurus menurut Dasar Privasi Apple, yang boleh dibaca di: http://www.apple.com/legal/privacy.

5. KEWAJIPAN PEMATUHAN TAMBAHAN

Anda tidak boleh menggunakan, mengeksport, mengeksport semula, mengimport, menjual atau memindahkan Perkhidmatan Terurus atau Perisian Apple, atau mana-mana bahagiannya, kecuali seperti yang dibenarkan oleh undang-undang Amerika Syarikat, undang-undang bidang kuasa yang Anda memperoleh Perkhidmatan Terurus atau Perisian Apple dan/atau mana-mana undang-undang dan peraturan lain yang berkenaan. Khususnya, tetapi tanpa had, Perkhidmatan Terurus dan Perisian Apple tidak boleh dieksport atau dieksport semula (a) ke mana-mana negara embargo A.S. atau (b) kepada sesiapa sahaja dalam senarai Warganegara Peruntukan Khas Jabatan Perbendaharaan A.S. atau Senarai Individu atau Senarai Entiti yang Ditolak Jabatan Perdagangan A.S. atau mana-mana senarai pihak terbatas yang lain. Dengan menggunakan Perkhidmatan Terurus atau Perisian Apple, Anda menyatakan dan menjamin bahawa Anda tidak terletak di mana-mana negara sedemikian atau pada mana-mana senarai sedemikian. Anda juga bersetuju bahawa Anda tidak akan menggunakan Perkhidmatan Terurus atau Perisian Apple bagi apa-apa tujuan yang dilarang oleh undang-undang Amerika Syarikat, termasuk, tanpa batasan, pembangunan, reka bentuk, pembuatan atau pengeluaran senjata nuklear, peluru berpandu, kimia atau biologi.

Anda mewakili atau menjamin bahawa Anda dan mana-mana entiti atau orang yang mengawal Anda secara langsung atau tidak langsung, atau di bawah kawalan bersama dengan Anda, tidak: (a) pada mana-mana senarai sekatan di negara atau rantau yang Perkhidmatan Terurus tersedia, (b) menjalankan perniagaan di mana-mana negara atau rantau yang disekat oleh AS, dan (c) pengguna akhir tentera seperti yang ditakrifkan dan dinyatakan dalam 15 C.F.R § 744. Seperti yang digunakan dalam Seksyen 5, "kawalan" bermaksud entiti atau orang yang memiliki, secara langsung atau tidak langsung, kuasa untuk mengarahkan atau menyebabkan pengarahan dasar pengurusan entiti lain, sama ada melalui pemilikan sekuriti pengundian, kepentingan dalam modal berdaftar, melalui kontrak atau sebaliknya.

6. FUNGSI PENGURUSAN PERANTI

Apple boleh menyediakan fungsi yang membolehkan Organisasi mengkonfigurasikan, mengurus, dan menguatkuasakan tetapan pentadbiran pada peranti berjenama Apple yang layak ("**Fungsi Pengurusan Peranti**"). Fungsi Pengurusan Peranti tidak didayakan secara lalai dan diaktifkan semata-mata mengikut budi bicara Organisasi. Ketersediaan, prestasi dan ciri Fungsi Pengurusan Peranti mungkin berbeza mengikut rantau, peranti, sistem pengendalian atau konfigurasi dan boleh diubah suai, dihadkan atau dihentikan pada bila-bila masa sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan Terurus. Organisasi kekal bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penggunaan Fungsi Pengurusan Peranti, termasuk pematuhan undang-undang yang berkenaan, pengurusan Peranti Dibenarkan dan Pengguna Sah, serta keselamatan, konfigurasi dan pengendalian peranti yang didaftarkan melalui Perkhidmatan Terurus.

7. PAKEJ YANG DISEDIAKAN OLEH ORGANISASI

Perkhidmatan Terurus mungkin memberikan keupayaan kepada Pentadbir Anda untuk menyediakan pautan ke pakej yang disediakan oleh Organisasi, termasuk aplikasi, ikon, fon, dan kemaskinian sistem (masing-masing disebut "**Pakej**) untuk dimuat turun oleh Pengguna Sah dan Pengguna Dibenarkan. Sebagai syarat untuk melakukan perkara tersebut, Anda membuat representasi dan memberi jaminan bahawa: (a) Organisasi bertanggungjawab sepenuhnya terhadap setiap Pakej yang Organisasi menyediakan pautan kepadanya melalui Perkhidmatan Terurus, termasuk pembayaran sebarang yuran yang berkaitan dengan penggunaan Pakej tersebut; (b) Organisasi mempunyai semua hak, lesen, kebenaran, dan keizinan yang diperlukan untuk menyediakan pautan ke Pakej kepada Pengguna Sah dan Pengguna Dibenarkan, serta menggunakan Perkhidmatan Terurus untuk memudahkan penyediaan tersebut (termasuk pembentangan pautan, nama, dan ikon untuk Pakej tersebut kepada Pengguna Sah dan Pengguna Dibenarkan dan mengikuti arahan Organisasi' untuk pemasangan Pakej setelah dimuat turun); (c) tiada Pakej, termasuk mana-mana bahagiannya, atau penggunaannya oleh Pengguna Sah atau Pengguna Dibenarkan, melanggar atau mencabuli mana-mana hak Apple atau pihak ketiga, termasuk hak harta intelek, mana-mana undang-undang, atau mana-mana perjanjian atau dasar privasi Apple atau pihak ketiga yang berkenaan; (d) sesuatu Pakej mungkin tertakluk pada terma berasingan antara Anda dan pihak ketiga. Organisasi bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan Organisasi' terhadap terma-terma tersebut dan memastikan setiap Pengguna Sah dan Pengguna Dibenarkan menyedari dan mematuhi semua perjanjian Apple dan pihak ketiga yang berkenaan; (e) Organisasi tidak boleh menggunakan Perkhidmatan Terurus untuk melanggar atau menyalahi mana-mana terma antara Organisasi dan mana-mana pihak ketiga; dan (f) Organisasi tidak boleh menggunakan Perkhidmatan Terurus untuk menghantar bahan yang melanggar hak cipta, memfitnah, atau sebaliknya menyalahi undang-undang atau berunsur tort, atau untuk menyimpan atau menghantar bahan yang melanggar hak mana-mana pihak ketiga. Ciri ini hanya tersedia untuk Organisasi yang bermastautin di Amerika Syarikat dan tidak tersedia di mana-mana negara atau rantau lain. Jika Apple berpendapat secara munasabah bahawa sesuatu Pakej mungkin melanggar undang-undang yang berkenaan, hak pihak ketiga atau Perjanjian, Apple boleh mengalih keluar pautan ke Pakej tersebut daripada akaun Organisasi'.

8. TAWARAN LANGGANAN

Langganan untuk storan iCloud tambahan bagi Akaun Apple Terurus Anda ("**Langganan Storan iCloud**") dan AppleCare+ untuk Perniagaan (**Langganan AppleCare+ untuk Perniagaan**) hanya tersedia untuk Organisasi yang berdaftar di Amerika Syarikat dan tidak tersedia di mana-mana negara atau rantau lain. Anda boleh membolehkan Pentadbir Anda memperoleh satu atau lebih langganan dengan memberikan mereka kuasa membeli dan membenarkan mereka mengakses Langganan Storan iCloud (tertakluk pada Terma dan Syarat iCloud dan Perjanjian) atau Langganan AppleCare+ untuk Perniagaan (tertakluk pada Terma dan Syarat AppleCare+ untuk Perniagaan dan Perjanjian).

Langganan AppleCare+ untuk Perniagaan anda membolehkan anda membeli langganan pengguna AppleCare+ untuk Perniagaan bagi peranti milik organisasi dan Peranti BYOD, serta langganan peranti untuk peranti milik organisasi. Langganan seperti ini menyediakan perkhidmatan perkakasan dan perkhidmatan sokongan teknikal untuk Apple TV, iPad, iPhone, iPod, Mac atau mana-mana peranti lain yang dibenarkan oleh Apple secara bertulis serta aksesori yang disertakan dalam bungkusan asal bersama peranti tersebut, terma, syarat dan sekatan yang berasingan dikenakan. Tertakluk pada Terma dan Syarat iCloud dan Terma dan Syarat AppleCare+ untuk Perniagaan, seperti yang berkenaan, langganan anda di Apple Business akan diteruskan dan dibilkan setiap bulan, sehingga dibatalkan. Anda boleh menukar atau membatalkan langganan anda pada bila-bila masa dalam portal Apple Business. Bil bulanan anda akan berdasarkan penggunaan bulan sebelumnya' dan akan termasuk sebarang cukai yang dikenakan. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang menukar atau membatalkan langganan anda, lawati https://support.apple.com/guide/business/axma756c6228. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang kaedah pengiraan caj penggunaan, sila lawati https://support.apple.com/guide/business/axmb4509c4c3. Jika Organisasi dikecualikan cukai, Anda boleh melaraskan status cukai Anda dalam Maklumat Pendaftaran. Anda bertanggungjawab terhadap pembayaran semua caj tepat pada masanya dan untuk menyediakan kaedah pembayaran yang sah kepada Apple untuk pembayaran semua caj. Anda bersetuju bahawa Apple boleh menyimpan dan mengenakan bayaran ke atas kaedah pembayaran yang anda sediakan untuk semua caj, termasuk cukai yang berkenaan.

Menurut undang-undang tempatan, Apple boleh mengemas kini maklumat pembayaran Anda berkaitan kaedah pembayaran Anda secara automatik jika diberikan maklumat sedemikian oleh rangkaian pembayaran atau institusi kewangan Anda. Jika Apple tidak dapat mengenakan caj kepada Anda, Anda akan tetap bertanggungjawab terhadap sebarang jumlah yang tidak dikutip dan kami boleh cuba mengecaj sekali lagi atau meminta Anda memberikan kaedah pembayaran lain. Jika pembayaran Anda tertunggak, Apple berhak untuk mengehadkan hak Anda menambah pelan langganan tambahan atau untuk menamatkan mana-mana pelan langganan sedia ada Anda. Penamatan Perjanjian, mahupun perubahan atau pembatalan langganan Anda, tidak mewajibkan Apple untuk memulangkan sebarang caj yang telah Anda bayar.

Jika anda membeli secara langsung daripada Apple, anda boleh menambah Langganan AppleCare+ untuk Perniagaan selagi anda tidak melebihi had yang dijelaskan di https://support.apple.com/guide/business/axme884379fa. Bahagian ini terpakai jika anda membeli Langganan AppleCare+ untuk Perniagaan secara langsung daripada Apple; pengebilan dan terma langganan lain yang berkaitan dengan pembelian Langganan AppleCare+ untuk Perniagaan daripada penjual semula yang diberi kuasa oleh Apple akan termasuk dalam perjanjian anda dengan penjual semula tersebut.

9. KESAN PENAMATAN

Seksyen 1, ayat kedua Seksyen 2.5, ayat kedua Seksyen 2.6, dan Seksyen 4 hingga 10 dalam Terma Tambahan untuk Perkhidmatan Terurus ini akan kekal berkuatkuasa selepas tamat tempoh atau penamatan Perjanjian. Penamatan atau tamat tempoh tidak akan membebaskan Anda atau Apple daripada sebarang liabiliti yang timbul daripada sebarang pelanggaran Perjanjian. Tiada Pihak akan bertanggungjawab kepada satu sama lain untuk sebarang bentuk kerosakan semata-mata akibat penamatan Perjanjian mengikut termanya, dan penamatan Perjanjian adalah tanpa prejudis kepada mana-mana hak atau remedi lain mana-mana Pihak.

10. PENAFIAN LIABILITI TAMBAHAN

APPLE TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS SEBARANG KEROSAKAN ATAU KERUGIAN YANG TIMBUL DARIPADA SEBARANG PENGGUNAAN, PENYALAHGUNAAN, PERGANTUNGAN, KETIDAKUPAYAAN UNTUK MENGGUNAKAN, GANGGUAN, PENGGANTUNGAN ATAU PENAMATAN PERKHIDMATAN TERURUS, ATAU SEBARANG TUNTUTAN YANG TIMBUL DARIPADA SEBARANG PENGGUNAAN PERKARA DI ATAS OLEH PENGGUNA AKHIR YANG DIBENARKAN ANDA.

Adendum Perkhidmatan Kandungan Pukal kepada Terma Tambahan untuk Perkhidmatan Terurus

Terma-terma berikut merupakan tambahan kepada Terma Tambahan untuk Perkhidmatan Terurus dan akan terpakai bagi penggunaan Perkhidmatan Kandungan Pukal oleh Anda.

Perhatian: Perkhidmatan Kandungan Pukal adalah terhad kepada Organisasi yang terletak di, atau yang mempunyai operasi yang boleh disahkan di, negara atau rantau di tempat Perkhidmatan Kandungan Pukal tersedia pada masa ini. Senarai negara atau rantau sedemikian yang tersedia boleh dilihat di https://support.apple.com/102867. Sekiranya Organisasi Anda tidak memenuhi keperluan geografi ini, Anda tidak dibenarkan menggunakan Perkhidmatan Kandungan Pukal, dan terma khusus yang berkaitan dengan Perkhidmatan Kandungan Pukal ini tidak terpakai kepada Organisasi Anda.

1. PENGGUNAAN PERKHIDMATAN KANDUNGAN PUKAL

A. Anda boleh menggunakan Perkhidmatan Kandungan Pukal untuk melesen atau membeli (a) aplikasi dan satu kandungan lain yang tersedia kepada Organisasi Anda di App Store ("**Kandungan App Store**") secara pukal semata-mata untuk diedarkan kepada dan digunakan oleh Pengguna Sah Anda, selaras dengan Terma dan Syarat Perkhidmatan Media Apple, atau (b) Apple Books, buku digital, buku audio dan kandungan lain yang tersedia kepada Organisasi Anda di Apple Books ("**Apple Books Content**") secara pukal, semata-mata untuk diedarkan kepada dan digunakan oleh Pengguna Sah Anda, mengikut kesesuaian (secara kolektif, "**Perkhidmatan Kandungan Pukal**"). Kandungan App Store yang dilesenkan atau diperoleh oleh Anda di bawah perjanjian ini akan membentuk "**Kandungan Pukal App Store**", dan kandungan Apple Books yang dilesenkan atau diperoleh oleh Anda di bawah perjanjian ini akan membentuk "**Kandungan Pukal Apple Books**". Kandungan Pukal App Store dan Kandungan Pukal Apple Books secara kolektif dimasukkan dalam takrifan 'Kandungan Pukal' seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 1 Terma Tambahan untuk Perkhidmatan Terurus.

B. Anda bersetuju bahawa penggunaan Perkhidmatan Kandungan Pukal dan Kandungan Pukal oleh Organisasi akan tertakluk pada Terma Perkhidmatan Apple Business (termasuk, untuk kejelasan, Terma Tambahan untuk Perkhidmatan Terurus dan Tambahan Perkhidmatan Kandungan Pukal ini), serta Terma dan Syarat Perkhidmatan Media Apple (http://www.apple.com/legal/internet-services/itunes/), yang digabungkan melalui rujukan (secara kolektif, "**Terma**"). Sekiranya berlaku sebarang percanggahan atau ketidakkonsistenan, Terma Perkhidmatan Apple Business hendaklah mengatasi Terma dan Syarat Perkhidmatan Media Apple.

C. Anda bersetuju bahawa Anda hanya akan menggunakan akaun pentadbir dengan keistimewaan yang sesuai untuk membeli, mengurus dan mengedarkan Kandungan Pukal daripada Perkhidmatan Kandungan Pukal.

2. JUALAN KANDUNGAN APP STORE

A. Perkhidmatan Kandungan Pukal tersedia untuk anda hanya di negara atau rantau tempat Organisasi Anda bermastautin (the "**Wilayah**").

B. Kod Kandungan App Store hanya boleh diagihkan kepada, dan ditebus oleh, Pengguna Sah anda di Wilayah. Walau bagaimanapun, Kandungan Pukal App Store boleh diberikan melalui Pengedaran Terurus (seperti yang ditakrifkan di bawah) kepada Pengguna Sah anda di mana-mana negara di tempat Kandungan Pukal App Store tersebut tersedia secara komersial, tertakluk pada perubahan pada bila-bila masa.

C. Penggunaan Perkhidmatan Kandungan Pukal anda untuk pembelian kandungan aplikasi hanya boleh dilakukan melalui App Store di Wilayah dan sebarang muat turun atau penugasan berikutnya tidak akan mencipta perjanjian atau transaksi jualan yang berasingan antara anda dengan mana-mana entiti Apple yang lain. Anda bersetuju bahawa anda tidak akan menggunakan Perkhidmatan Kandungan Pukal untuk memintas undang-undang mana-mana negara atau sekatan yang ditetapkan oleh pembekal Kandungan Pukal.

3. DASAR PEMBAYARAN BALIK, CUKAI DAN PEMBAYARAN

A. Anda bersetuju bahawa Organisasi akan membayar semua Kandungan Pukal yang dibeli melalui akaun Organisasi, bahawa anda atau mana-mana pembeli lain pada akaun Organisasi diberikan kuasa untuk membuat pembelian sedemikian bagi pihak Organisasi, dan bahawa Apple boleh menyimpan dan mengenakan caj kepada kaedah pembayaran anda untuk apa-apa Kandungan Pukal yang dibeli dan untuk sebarang amaun tambahan (termasuk sebarang cukai dan yuran lewat, seperti yang berkenaan) yang mungkin terakru oleh atau berkaitan dengan akaun anda. Anda bertanggungjawab terhadap pembayaran semua yuran tepat pada masanya dan untuk menyediakan kaedah pembayaran yang sah kepada Apple untuk pembayaran semua yuran. Semua yuran akan dibilkan kepada kaedah pembayaran yang anda tetapkan semasa proses pendaftaran, atau seperti yang dikemaskinikan mengikut Terma.

B. Anda bersetuju untuk menyediakan dan mengekalkan maklumat pengebilan dan pembayaran yang tepat dan lengkap untuk Organisasi Anda, seperti yang diminta untuk melengkapkan pembelian.

C. Jumlah harga anda akan termasuk harga Kandungan Pukal serta sebarang cukai transaksi yang berkenaan (cukai jualan, cukai nilai tambah, cukai barang dan perkhidmatan atau yang serupa) berdasarkan alamat bil ke dan kadar cukai transaksi yang berkuat kuasa pada masa pembelian. Kami akan mengenakan cukai hanya jika barangan digital boleh dikenakan cukai. Anda memahami dan bersetuju bahawa Anda akan bertanggungjawab untuk menentukan dan membayar apa-apa cukai atau levi yang terhasil daripada penugasan Kandungan Pukal anda kepada Pengguna Sah di wilayah selain Wilayah tempat Organisasi Anda bermastautin.

D. Jika pesanan anda dibuat bagi pihak organisasi atau individu yang dikecualikan cukai, sila hubungi Sokongan di https://support.apple.com/business-education-programs. Sila bersedia untuk memberikan bukti status pengecualian cukai.

E. Harga untuk Kandungan Pukal yang ditawarkan melalui Perkhidmatan Kandungan Pukal boleh berubah pada bila-bila masa dan Perkhidmatan Kandungan Pukal tidak memberikan perlindungan harga atau bayaran balik sekiranya berlaku pengurangan harga atau tawaran promosi.

F. Semua jualan Kandungan Pukal adalah muktamad. Walau apa-apa pun perkara di atas, jika Kandungan Pukal menjadi tidak tersedia selepas transaksi tetapi sebelum muat turun awal, satu-satunya remedi anda ialah bayaran balik. Sekiranya bayaran balik sedemikian diberikan, Apple berhak untuk melumpuhkan Kod Kandungan yang tidak digunakan (seperti yang ditakrifkan di bawah) dan juga keupayaan untuk menugaskan Kandungan App Store melalui Pengedaran Terurus (seperti yang ditakrifkan di bawah). Jika masalah teknikal menghalang atau melewatkan secara tidak munasabah penghantaran Kandungan Pukal Anda, remedi eksklusif dan tunggal anda adalah sama ada penggantian Kandungan Pukal atau bayaran balik harga yang dibayar, seperti yang ditentukan oleh Apple.

G. Jika Organisasi Anda bermastautin di Taiwan, anda dikehendaki memberikan Nombor Perniagaan Bersepadu anda kepada Apple atas permintaan.

H. Jika Organisasi Anda bermastautin di Filipina, anda menyatakan bahawa anda sama ada (i) agensi kerajaan (termasuk sekolah awam) atau (ii) terlibat dalam perniagaan (termasuk sekolah swasta). Jika Organisasi Anda terlibat dalam perniagaan, anda dikehendaki memberikan Nombor Pengenalan Pembayar Cukai Filipina anda kepada Apple atas permintaan.

4. BAKI KANDUNGAN PUKAL

A. Baki yang tidak digunakan untuk Kandungan Pukal tidak boleh ditebus dengan wang tunai dan tidak boleh dikembalikan untuk bayaran balik tunai (kecuali seperti yang dikehendaki oleh undang-undang), dijual semula, digunakan untuk membeli kad hadiah Apple atau digunakan dalam kedai jualan Apple.

B. Baki yang tidak digunakan untuk Kandungan Pukal yang dibeli di Wilayah anda boleh ditebus melalui Perkhidmatan Kandungan Pukal hanya di Wilayah Anda.

C. Apple tidak bertanggungjawab ke atas baki yang hilang atau dicuri untuk Kandungan Pukal. Apple berhak untuk menutup akaun dan meminta bentuk pembayaran alternatif jika pembelian untuk Kandungan Pukal diperoleh atau digunakan secara penipuan pada Perkhidmatan Kandungan Pukal.

D. APPLE DAN PEMEGANG LESEN, ANGGOTA GABUNGAN DAN PEMEGANG LESEN APPLE TIDAK MENJAMIN, SECARA TERSURAT ATAU TERSIRAT, BERKENAAN BAKI ANDA UNTUK KANDUNGAN PUKAL, KANDUNGAN PUKAL, KOD KANDUNGAN PUKAL, ATAU PROGRAM PEMBELIAN PUKAL, TERMASUK, TANPA HAD, SEBARANG WARANTI TERSURAT ATAU TERSIRAT TENTANG KEBOLEHDAGANGAN ATAU KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU. HAD INI MUNGKIN TIDAK TERPAKAI KEPADA ANDA.

5. HAK AUDIT

A. Memandangkan Apple boleh mengaudit pembelian pelanggan melalui Perkhidmatan Kandungan Pukal untuk memastikan bahawa hanya pembelian yang layak telah dipesan dan semua syarat pembelian dan peraturan penggunaan telah dipatuhi, anda bersetuju untuk menyimpan rekod yang lengkap dan tepat bagi semua penggunaan Kandungan Pukal yang anda beli. Sekiranya audit mendedahkan selepas penghantaran (atau sekiranya Apple mendapati) bahawa anda bukanlah pembeli yang layak pada masa anda membuat pesanan anda atau anda tidak mematuhi semua syarat yang berkenaan untuk pembelian anda, Apple boleh:

i. Melumpuhkan Akaun Apple Terurus anda;

ii. Jika Anda membuat pesanan anda menggunakan kad kredit, untuk mengenakan caj kepada kad kredit Anda perbezaan antara amaun yang Anda bayar untuk barangan yang dihantar melalui Perkhidmatan Kandungan Pukal dengan harga yang dikenakan caj oleh Apple kepada orang ramai untuk barangan yang sama (tertakluk pada Bahagian 5(b) di bawah), berkuat kuasa pada tarikh Anda membuat pesanan Anda; dan

iii. Jika anda membayar dengan cara selain kad kredit, untuk (a) membuat invois Anda bagi perbezaan antara amaun yang Anda bayar untuk barangan yang dihantar dengan harga yang dikenakan caj oleh Apple kepada orang ramai untuk barangan yang sama melalui Perkhidmatan Kandungan Pukal (tertakluk pada Bahagian 5(B) di bawah), perlu dibayar dalam masa lima belas hari dari tarikh invois, dan (b), sekiranya anda gagal membayar invois apabila perlu dibayar, melaksanakan tindakan undang-undang terhadap Anda menurut Bahagian 5 Terma Tambahan untuk Perkhidmatan Terurus, dengan pihak semasa berhak menerima yuran peguam.

B. Sekiranya Apple tidak menawarkan produk tertentu yang anda beli melalui Perkhidmatan Kandungan Pukal, kaedah pembayaran anda akan dikenakan caj atau anda akan diberikan invois perbezaan antara amaun yang anda bayar untuk barangan yang dihantar dengan harga yang dikenakan caj oleh Apple kepada orang ramai bagi barangan setara terdekat melalui Perkhidmatan Kandungan Pukal, berkuat kuasa pada tarikh anda membuat pesanan anda.

C. Apple berhak untuk meminta maklumat tambahan dan mengaudit rekod yang berkaitan untuk mengesahkan pematuhan anda dengan Terma.

6. KETERSEDIAAN KANDUNGAN PUKAL

Apple berhak untuk menukar pilihan Kandungan Pukal (termasuk kelayakan untuk ciri tertentu) tanpa notis.

7. KAEDAH PENGEDARAN KANDUNGAN

A. Kandungan Pukal boleh diedarkan kepada Pengguna Sah Anda (dalam setiap kes, tertakluk pada, dan seperti yang dinyatakan lebih lanjut dalam Bahagian 8 dan 9 di bawah):

i. melalui pengedaran kod alfanumerik yang dijana oleh Apple ("**Kod Kandungan**") yang boleh ditebus di App Store untuk Kandungan App Store tertentu, atau di Apple Books untuk Kandungan Apple Books tertentu;

ii. melalui penugasan Kandungan Pukal kepada Akaun Apple tertentu atau Akaun Apple Terurus yang dikaitkan dengan Pengguna Sah anda ("**Tugasan Pengguna**")

iii. untuk Kandungan Pukal App Store sahaja, melalui tugasan terus kepada peranti iOS, watchOS, iPadOS, macOS, tvOS, atau visionOS yang unik dan dimiliki atau dikawal oleh anda atau Pengguna Sah anda ("**Tugasan Peranti**"; dan setiap Tugasan Pengguna dan Tugasan Peranti, adalah "**Pengedaran Terurus**"), yang mana (a) pembelian berasingan mesti dibuat untuk setiap peranti unik (iaitu, satu lesen tidak boleh dikongsi secara serentak oleh berbilang peranti); dan (b) anda akan dianggap sebagai "pengguna akhir" bagi tujuan sebarang perjanjian lesen pengguna akhir, terma penggunaan, atau perjanjian lain yang terlibat oleh Pengguna Sah anda berkaitan dengan Kandungan Pukal App Store.

